

TINGKAHLAKU DAN KEPIMPINAN POLITIK TEMPATAN  
(KAJIAN KES TERHADAP AHLI PARTI UMNO  
DUN PULAI CHONDONG KELANTAN)

Oleh

Tengku Amran Syah Engku Johan Iskandar

Matrik: 055411

Kertas Projek Memenuhi Sebahagian Daripada  
Syarat-syarat Untuk Ijazah  
Sarjana Muda Sastera  
Dalam Antropologi dan Sosiologi

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur  
Sesi 1990/91

## SINOPSIS

Dalam kajian ini, pengkaji telah membincangkan mengenai tujuan kajian, bidang kajian, kepentingan kajian serta cara kajian dijalankan dalam bab pertama. Selain dari itu bab ini juga turut membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan pengutipan data semasa kajian.

Manakala latarbelakang kawasan kajian iaitu mengenai sosio ekonomi masyarakatnya telah dihuraikan dalam bab kedua turut dihuraikan ialah dari segi aspek ekonomi, sosial serta kedudukan responden dalam masyarakat seperti mengenai pendapatan, pekerjaan, tahap persekolahan dan sejarah UMNO Kelantan.

Pengkaji turut memperkatakan pengaruh dan proses sosialisasi dan pemupukan kesedaran politik dalam bab ketiga. Bab tiga ini turut dibincangkan oleh pengkaji ialah mengenai konsep sosialisasi, kekerapan membaca akhbar, sikap responden dalam penyertaan politik semasa, sama ada mempengaruhi orang menyertai parti atau penyertaan dalam kegiatan kempen.

Tidak ketinggalan pengkaji turut membincangkan mengenai tokoh-tokoh politik setempat, iaitu mengenai pandangan responden terhadap pemimpin mereka. Perkara ini dibincang dalam bab yang keempat. Selain dari itu pengkaji turut memperkatakan isu perjuangan yang diminati oleh responden serta sistem demokrasi yang kita amalkan. Disamping itu bab lima pula pengkaji menyentuh mengenai pilihanraya umum 1990 yang lalu. Akhir sekali pengkaji membuat kesimpulan mengenai kajian.



<u>KANDUNGAN</u>	<u>Muka Surat</u>
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	ii
KANDUNGAN	1 - 68
BAB I PENDAHULUAN	1 - 6
1.1 Objektif dan Skop Kajian	1
1.2 Kepentingan Kajian	2
1.3 Kaedah Kajian	2
A. Soal Selidik	3
B. Temubual	3
C. Pemerhatian dan Penyertaan	4
D. Kajian Perpustakaan	4
1.4 Masalah Pengumpulan Bahan	4
BAB II LATAR BELAKANG SOSIO-EKONOMI BUDAYA MASYARAKAT PULAI CHONDONG	7 - 19
2.1 Pengenalan Kawasan Kajian	8
2.2 Ekonomi	9
2.3 Sosial	13
A. Taraf Pendidikan	14
B. Umur Responden	15
C. Bilangan Anak	16
2.4 Sejarah UMNO Kelantan	17
BAB III PROSES SOSIALISASI DAN PEMUPUKAN KESEDARAN POLITIK	20 - 41
3.1 Peranan Tokoh Dan Alat Dalam Membentuk Kesedaran Politik	20
3.1.1 Sosialisasi	21
A. Peranan Keluarga	22
B. Media Massa	23
C. Penghulu, AJK Parti, JKKK Masjid dan Ketua Kemas	24

	<u>Muka Surat</u>	
3.2	Kekerapan Membaca Akhbar Politik	27
3.3	Sikap dan Penyertaan Dalam Politik Semasa	28
3.3.1	Pola Kegiatan Politik	31
	A. Mempengaruhi Orang Lain Menyertai Parti	32
	B. Menyertai Kegiatan Kempen	33
	C. Penyertaan Dalam Ceramah	35
3.4	Tempoh Keahlian Parti	36
3.5	Asas Keahlian UMNO	37
	Kesimpulan	40
BAB IV	PENILAIAN TERHADAP PEMIMPIN PARTI SETEMPAT	42 - 55
4.1	Pemimpin	42
	I Pemimpin Peringkat Cawangan	43
	II Pemimpin Peringkat Dewan Undangan Negeri	45
	III Pemimpin Peringkat Parlimen	45
4.2	Ciri Pemimpin Yang Dipilih	46
	A. Kekayaan Dan Hidup Mewah	47
	B. Keturunan Dan Kekeluargaan	47
	C. Paras Kelulusan Akademik	48
	D. Luas Pergaulan Dan Ramai Sahabat	49
	E. Sokongan Kuat Pemimpin Atas	49
	F. Budi Bahasa Dan Budi Pekerti	50
	G. Pengalaman Kerja Pentadbiran	50
4.3	Punca Calon Lawan Kalah Tahun 1986	51
4.4	Isu Kebangsaan	52
4.5	Sistem Demokrasi	53
BAB V	ANALISA PILIHANRAYA NEGERI KELANTAN 1990	56 - 63
5.1	Kawasan Pilihanraya	56
5.2	Jumlah Pengundi	60

	<u>Muka Surat</u>
5.3 Keputusan Pilihanraya	61
5.4 Faktor Kekalahan UMNO	62
<b>BAB VI Kesimpulan</b>	<b>64 - 68</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>73</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>74</b>
Jadual 1: Keahlian All-Party Bar Council-Jajim	75
Jadual 2: Keahlian Parti Melayu Mersing	76
Jadual 3: Keahlian Parti Melayu Mersing	77
Jadual 4: Keahlian Parti Melayu Mersing	78
Jadual 5: Keahlian Parti Melayu Mersing	79
Jadual 6: Keahlian Parti Melayu Mersing	80
Jadual 7: Keahlian Parti Melayu Mersing	81
Jadual 8: Keahlian Parti Melayu Mersing	82
Jadual 9: Keahlian Parti Melayu Mersing	83
Jadual 10: Keahlian Parti Melayu Mersing	84
Jadual 11: Keahlian Parti Melayu Mersing	85
Jadual 12: Keahlian Parti Melayu Mersing	86
Jadual 13: Keahlian Parti Melayu Mersing	87
Jadual 14: Keahlian Parti Melayu Mersing	88
Jadual 15: Keahlian Parti Melayu Mersing	89
Jadual 16: Keahlian Parti Melayu Mersing	90
Jadual 17: Keahlian Parti Melayu Mersing	91
Jadual 18: Keahlian Parti Melayu Mersing	92
Jadual 19: Keahlian Parti Melayu Mersing	93
Jadual 20: Keahlian Parti Melayu Mersing	94
Jadual 21: Keahlian Parti Melayu Mersing	95
Jadual 22: Keahlian Parti Melayu Mersing	96
Jadual 23: Keahlian Parti Melayu Mersing	97
Jadual 24: Keahlian Parti Melayu Mersing	98
Jadual 25: Keahlian Parti Melayu Mersing	99
Jadual 26: Keahlian Parti Melayu Mersing	100



<u>Senarai Jadual</u>	<u>Muka Surat</u>
Jadual 1: Kelantan: Bilangan Dan Keluasan Jajahan	7
Jadual 2: Profeil Negeri Kelantan	10
Jadual 3: Pekerjaan Responden	11
Jadual 4: Pendapatan Responden	12
Jadual 5: Profeil Negeri Kelantan	13
Jadual 6: Tahap Pendidikan Responden	14
Jadual 7: Peringkat Umur Responden	15
Jadual 8: Bilangan Anak Responden	16
Jadual 9: Peranan Tokoh dan Alat Dalam Membentuk Kesedaran Politik Responden	26
Jadual 10: Kekkerapan Responden Membaca Akhbar Politik	28
Jadual 10.1: Jawatan Yang Dipegang Oleh Responden	30
Jadual 11: Pola Kegiatan Politik Responden	31
Jadual 12: Mempengaruhi Orang Lain Menyertai Parti	33
Jadual 13: Kegiatan Kempen Dilakukan Oleh Responden	34
Jadual 14: Tempoh Keahlian Parti Responden	37
Jadual 15: Jawatankuasa UMNO Parlimen Kok Lanas 1990	44
Jadual 16: Faktor Calon Lawan Kalah	52
Jadual 18: Jawatankuasa Penyelaras Pilihanraya DUN Pulau Chondong 1990	55
Jadual 19: Jumlah Kerusi Sejak Parlimen/DUN Tahun 1955-1990 Bagi Negeri Kelantan	57
Jadual 20: Kawasan Pilihanraya Bagi 1990, Parlimen dan DUN Kelantan Dan Bilangan Pengundi	58
Jadual 21: Keputusan-keputusan Pilihanraya DUN Kelantan dan Tahun 1955 hingga 1990	59
Jadual 22: Jumlah Pengundi di DUN Pulau Chondong Dari Tahun 1986-1990	60
Jadual 23: Keputusan Pilihanraya Peringkat DUN 1990	62

Kependekan

1. UMNO - United Malays National Organisation
2. PAS - Parti Islam SeMalaysia
3. APU - Angkatan Perpaduan Ummah
4. AJK - Ahli Jawatan Kuasa
5. JKKK - Jawatan Kuasa Kemajuan Kampung


Senarai Peta

1. Peta Malaysia
2. Peta Kelantan, Pembahagian Kawasan Pilihanraya
3. Peta Kawasan Pilihanraya Parlimen Kok Lanas

Lampiran

1. Sijil Pendaftaran Cawangan UMNO Rengas
2. Sijil Keahlian Parti PAS

PELAN, KEDUDUKAN KELANTAN DALAM MALAYSIA



Location Map



## BAB I

### PENDAHULUAN

Budaya politik merupakan sebahagian kebudayaan atau cara hidup sesebuah masyarakat. Ia adalah merangkumi sikap, nilai, pendapat dan pandangan anggota masyarakat berhubung mengenai soal kuasa dan kuakuasa. Dalam budaya politik kita tidak dapat lari daripada membincangkan aspek-aspek sosialisasi, komunikasi, kesedaran, politiking dan yang berkaitan dengan tingkahlaku politik umumnya.

#### 1.1 Objektif dan Skop Kajian

Tujuan utama penyelidikan ini, adalah untuk melihat dan menganalisa pola-pola perlakuan dan penyertaan politik oleh ahli UMNO yang terpilih berdasarkan kepada beberapa buah cawangan di dalam DUN Pulai Chondong di Kelantan. Hal ini dikira penting, kerana unsur-unsur politik dan peranannya mempengaruhi corak dan sikap hidup setiap individu dalam masyarakat sama ada secara langsung atau tidak langsung, terutamanya ke atas golongan bawahan orang Melayu di tempat kajian.

Pada hakikatnya sebahagian besar masyarakat Melayu adalah tinggal di kawasan luar bandar. Maka peranan mereka dalam mengekalkan kemantapan politik negara ini adalah penting dan perlu diambil berat. Ini kerana itu, kekuatan dan kemantapan kuasa politik bangsa Melayu terletak di atas sokongan para pengundi-pengundi orang Melayu di kampung-kampung luar bandar. Perkara yang ingin dilihat, oleh pengkaji dalam hal ini ialah mengenai sejauh mana taraf sosio-ekonomi dalam masyarakat merupakan faktor yang mempengaruhi tingkahlaku dan penyertaan politik. Disamping itu juga pengkaji cuba meninjau akan sikap dan

pandangan responden terhadap tokoh-tokoh yang dipilih sebagai wakil rakyat dan pemimpin politik setempat mereka.

## 1.2 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini amat penting kepada kita semua. Walaupun kajian ini lebih menekankan kepada ahli UMNO yang terpilih sahaja, tetapi kajian ini juga turut berguna kepada pihak pemerintah dan pemimpin tempatan. Tingkahlaku pengundi melibatkan segala aspek seperti menghadiri ceramah, mengundi, kerja-kerja kempen, mengenai kepimpinan dan sebagainya yang bersangkutan paut segala gerak laku individu terhadap politik.

Kajian ini akan dapat memberi gambaran kepada kita semua mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh masyarakat Pulau Chondong terutama di kalangan ahli UMNO. Kajian mengenai tingkahlaku dan kepimpinan ini adalah penting bagi kita untuk mendapat maklum balas mereka terhadap perkembangan politik tanahair.

## 1.3 Kaedah Kajian

Tempoh penyelidikan ini dilakukan oleh pengkaji mengambil masa sebulan. Dalam tempoh itu, pengkaji telah menemui responden di rumah mereka di kawasan kajian. Pengkaji telah menemubual 50 orang responden yang terdiri daripada pelbagai parti politik seperti PAS, MCA, Semangat 46 dan UMNO. Oleh kerana kajian ini merupakan kertas projek sahaja, pengkaji mengambil keputusan hanya menumpukan penganalisan kepada ahli-ahli parti UMNO.



Dalam usaha mengumpul data dan maklumat yang diperlukan bagi kajian ini telah menggunakan beberapa kaedah dan teknik yang lazim digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini ialah seperti berikut:

1. Soal selidik
2. Temubual
3. Pemerhatian dan penyertaan
4. Penyelidikan perpustakaan.

A. Soal selidik

Pengkaji telah menyediakan satu set borang soal selidik untuk setiap responden. Ianya bertujuan untuk mendapat maklumat yang relevan dengan tajuk kajian. Pengkaji telah menggunakan dua cara atau pilihan kepada responden, iaitu dengan mengedar borang soal selidik supaya diisi oleh responden. Pengkaji juga telah membuat temubual dengan responden berdasarkan kepada borang tersebut. Pembentukan borang soal selidik ini, pengkaji juga dapat membandingkan jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden dan juga untuk menyeleraskan semua soalan yang dikemukakan.

B. Temubual

Bagi melengkap dan menambahkan lagi maklumat yang dikutip dari responden, pengkaji melakukan temubual dengan cara formal dan tidak formal. Untuk menaruh minat responden semasa temubual, pengkaji telah menumpukan soal-soal semasa yang berkaitan dengan politik. Semasa berbual dan berbincang itu, pengkaji akan mengajukan soalan-soalan yang terdapat dalam borang soal selidik. Dengan cara ini responden tidak begitu terikat dengan soalan dari borang selidik. Kebanyakan responden yang berminat kepada politik.



### C. Pemerhatian dan Penyertaan

Kaedah ini digunakan bertujuan untuk mendapatkan data tambahan yang berkaitan dengan kajian. Pengkaji juga mengikuti dua kali ceramah yang diajurkan oleh parti UMNO semasa kajian dijalankan. Disamping itu, kaedah ini juga dapat melengkapkan soalan berstruktur misalnya soal mengenai pendapatan responden, melalui kaedah ini pengkaji dapat menganggarkan pendapatan responden.

### D. Kajian Perpustakaan

Penyelidikan perpustakaan juga dilakukan oleh pengkaji di perpustakaan Antropologi dan Sosiologi dan Perpustakaan Besar Universiti Malaya. Penyelidikan cara ini dapat mengukuhkan lagi tajuk kajian supaya ianya lebih relevan. Penyelidikan melalui perpustakaan ini, juga dapat menambahkan lagi pengetahuan politik kepada pengkaji iaitu dengan menggunakan rujukan buku yang dituliskan oleh sarjana-sarjana politik. Disamping itu dapat memberi panduan kepada pengkaji untuk membuat kertas projek ini.

## 1.4 Masalah Pengumpulan Bahan

Dalam membuat kajian ini pengkaji telah menghadapi banyak masalah. Masalah utama pengkaji ialah untuk mendapatkan responden. Ini adalah disebabkan kebanyakan responden terlibat dengan kerja mereka. Kajian dijalankan bermula waktu pagi, keadaan ini tentulah menyulitkan pengkaji untuk bertemu mereka. Disamping itu ialah masalah kesuntukan waktu iaitu masa. Sebelum kajian ini bermula pengkaji juga turut terlibat dengan kajian geografi di Pulau Langkawi selama tiga minggu. Ini sudah tentu menyulitkan pengkaji untuk mendapat responden yang



ramai dan mewakili sampel yang sebenar. Dalam tempoh empat minggu untuk melaksanakan kajian ini adalah tidak memadai.

Selain itu masalah mengenai responden tidak dapat memahami kehendak soalan dengan sepenuhnya. Oleh itu, setiap persoalan yang dikemukakan terpaksa diulang beberapa kali. Mereka juga terpaksa diberi keterangan tentang apa yang dikehendaki oleh setiap persoalan tersebut, sebab inilah setiap temuramah sering terputus.

Kurangnya memberi kerjasama, masalah ini telah dihadapi oleh pengkaji. Pengkaji mendapati kebanyakan pemimpin politik tempatan dan penyokong kerajaan tidak berkerjasama. Keadaan ini timbul apabila pengkaji mengutarakan soalan-soalan yang berkaitan dengan dasar-dasar kerajaan dan mengenai pergolakan politik UMNO. Ada sebilangan kecil menganggap pengkaji sebagai agen kerajaan. Dengan itu ahli parti UMNO menyarankan pengkaji bertemu dengan tokoh-tokoh parti pembangkang yang perlu ditemubual manakala bagi pihak pembangkang pun sedemikian. Hal ini, sudah tentu menyulitkan pengkaji untuk mendapat maklumat kedua-dua pihak.


Ada sebilangan responden yang takut untuk memberi maklumat yang benar. Keadaan ini timbul, kerana responden tersebut bimbang jika maklumat yang akan disampaikan itu diberi kepada pihak tertentu, ini sudah tentu bantuan yang diberi kepadanya akan ditarik balik. Pekedai pula, bimbang jualan tidak mendapat sambutan seandainya ia memberi sokongan pada mana-mana pihak. Gangguan dari responden lain, ini terjadi terutama bila temubual di tempat awam. Dengan campur tangan dari pihak kedua ini akan mengganggu dan mempengaruhi jawapan responden tersebut. Ini akan memberi jawapan yang tidak tepat.

Masalah buta huruf di kalangan responden menyebabkan banyak soalan yang tidak dapat dijawab. Dengan ini pengkaji terpaksa menemubual secara tidak formal tanpa bergantung pada soal selidik, terutama berhubung pandangan responden terhadap keadaan politik UMNO dan PAS setempat kerana tidak mengetahui banyak perkara politik.

Walaupun kajian ini menghadapi masalah yang rumit namun pengkaji telah dapat menyelesaikannya dengan jayanya. Kesuntukan masa dan sebagainya dapat diatasi dengan mengedar borang soal selidik kepada mereka yang mempunyai taraf pendidikan yang baik seperti lulusan SPM atau guru-guru sekolah. Namun begitu kajian ini juga mempunyai kelemahan-kelemahan yang tersendiri.



PELAN PILIHANRAYA DUN KELANTAN.



SUMBER: AKHBAR UTUSAN MALAYSIA,

## BAB II

### LATAR BELAKANG SOSIO-EKONOMI BUDAYA MASYARAKAT PULAI CHONDONG

#### Pengenalan

Negeri Kelantan terletak di bahagian Timur Laut Semenanjung Malaysia, bersempadan dengan Thailand (Utara), dan negeri-negeri Perak (Barat), Trengganu (Timur), Pahang (Selatan) serta Laut Cina Selatan (Timur Laut).<sup>1</sup> Keluasan negeri Kelantan ialah 14,929 Km., persegi (5,764 Bt. persegi) atau 1,494,288 hektar (3,711,537 ekar). Sepanjang 185.6 Km. (116 bt.) dan lebar 140.8 Km (88 bt.) dengan pantai sepanjang lebih kurang 78 Km (48.7 bt.).<sup>2</sup>

Pentadbiran negeri Kelantan terbahagi kepada 10 jajahan, termasuk Jajahan Jeli, meliputi 64 buah daerah dan 445 mukim penghulu (Ketua Kampung). Keterangan lengkap bilangan dan keluasan jajahan-jajahan seperti disenaraikan dalam jadual 1.

JADUAL 1

Kelantan: Bilangan Dan Keluasan Jajahan

Jajahan	Keluasan Km Persegi	Bilangan Daerah (mukim)
Kota Bharu	409	14 (110)
Tumpat	168	7 ( 48)
Pasir Mas	578	10 ( 66)
Machang	544	6 ( 39)
Pasir Puteh	433	8 ( 59)
Bachok	264	8 ( 46)
Tanah Merah	868	3 ( 31)
Ulu Kelantan	8,104	2 ( 9)
Kuala Krai	2,225	3 ( 24)
Jeli	1,329	3 ( 13)
Jumlah	14,929	64 (440)

Sumber: Data Asas Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (1985)

1 Lihat Konvensyen UMNO Kelantan, 1985: di Tanah Merah Kelantan hal.3.

2 Ibid.



Negeri Kelantan juga dapat dibahagi kepada dua "region" iaitu Kelantan Utara dan Kelantan Selatan. Wilayah Kelantan meliputi 7 jajahan di sebelah Utara iaitu Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Bachok, Pasir Puteh, Machang, Tanah Merah, seluas (22%). Sementara kawasan Selatan seluas 11,665 (78%) merangkumi 3 jajahan di sebelah iaitu Ulu Kelantan, Kuala Krai dan Jeli.

Penduduk negeri Kelantan dari semakan semula banci 1980 berjumlah 893,753 orang, iaitu 6.5% daripada jumlah penduduk Malaysia (13,745,241 orang). Agihan Jantina menunjukkan seramai 441,385 (49.4%) orang lelaki dan 452,385 (50.6%) orang perempuan. Sementara dari segi kaum pula seramai 830,337 (92.9%) orang Melayu, 47,911 (5.4%) orang Cina, 6,716 (0.7%) orang India dan 8,789 (1.0%) dari lain-lain bangsa.<sup>3</sup>

Kelantan mempunyai 13 kerusi Parlimen dan 39 kerusi Dewan Undangan Negeri. Mengikut sumber dari SPR jumlah pengundi Kelantan pada tahun 1986 iaitu 469,828 orang dan tahun 1990 ialah 536,020 orang iaitu meningkat 66,192 orang (14.09%).

## 2.1 Pengenalan Kawasan Kajian

Kajian ini dilakukan di Dewan Undangan Negeri Pulai Chondong iaitu salah satu kawasan Parlimen Kok Lanas. Kerusi Parlimen Kok Lanas adalah merupakan kawasan yang baru diperkenalkan tahun 1985 iaitu melibatkan DUN Selising (Pasir Puteh), DUN Keterah (Nilam Puri) dan DUN Pulai Chondong (Machang). Semasa kajian ini dilakukan, kerusi Parlimen Kok Lanas telah dimenangi oleh Dato' Abdullah Ahmad dalam Pilihanraya 1986. DUN Pulai Chondong pula dimenangi oleh Y.B. Haji Abdullah bin Haji Muhammad, yang telah memenangi selama 4 penggal sejak Pilihanraya 1974

---

3 Ibid.



lagi. Dalam Pilihanraya 1990 jumlah pengundi berdaftar bagi Parlimen Kok Lanas 37,190 orang, manakala bagi DUN Pulau Chondong 9,787 orang. Bagi kawasan DUN Pulau Chondong, ia ditadbir oleh dua orang penggawa iaitu Penggawa Pulau Chondong dan Penggawa Labok. Ini adalah kerana kawasan DUN Pulau Chondong, ia juga memasuki beberapa kawasan Labok.

## 2.2 Ekonomi

Jumlah penduduk kawasan Pulau Chondong mengikut bancian Penggawa Pulau Chondong ialah seramai 10,750 termasuk 520 orang Cina dalam tahun 1980.<sup>4</sup> Ia dibahagikan kepada lapan mukim yang diketuai oleh seorang penghulu (ketua kampung) iaitu Gading Galoh, Alor Melaka, Mulung, Pauh Lima, Bagan, Kerawang, Laha dan Bandar. Jika ada mesyuarat mengenai mukim masing-masing, ia dijalankan di Pejabat Penggawa di Pulau Chondong. Aktiviti ekonomi bagi penduduk Pulau Chondong terbahagi kepada dua bidng iaitu sektor pertanian dan bukan pertanian.

Kira-kira 80% penduduk di sini terlibat dalam aktiviti pertanian selebihnya sektor awam, swasta dan berniaga. Sebagaimana diketahui negeri Kelantan adalah sebuah negara pertanian, jadi sektor pertanian merupakan pekerjaan utama penduduknya. Oleh kerana hasil pendapatan negeri Kelantan tidak cukup untuk membangun negerinya tanpa kerjasama pihak pusat.<sup>5</sup> Sebagai sebuah negara persekutuan, kerajaan negeri tidak boleh hidup maju tanpa kerajaan pusat. Dalam melaksanakan sesuatu projek pembangunan, dalam negeri, sokongan kuat daripada kerajaan pusat adalah dimestikan. Pembangunan infrastruktur semata-mata bergantung kepada kerajaan pusat. Lebih-lebih lagi pembangunan sosio-ekonomi.<sup>6</sup>

---

4 Hasil temubual dengan Penggawa Pulau Chondong.

5 Kertas Persidangan, oleh Nik Abdul Rashid, Kelantan ke arah tahun 1990, Cabaran Sosio-Ekonomi dan Politik, 1985.

6 Ibid.

JADUAL 2  
PROFEIL NEGERI KELANTAN

	Malaysia	Kelantan	Nisbah
Luas Kawasan (km 3)	336,700	14,922	4.4
Penduduk 1985	15,791,100	1,026,300	6.5
KDNK Perkapital	3,758	1,740	46.0
Pertanian Juta	12,046	683	5.7
Perlombongan	6,006	15	0.2
Pembuatan	17,357	137	0.8
Pembina	3,048	87	2.9
Elektrik, Gas dan Air	988	35	3.5
Pengangkutan	3,805	120	3.2
Perkhidmatan	7,551	119	1.6
Kewangan, insuran	5,212	187	3.6
Perkhidmatan Kerajaan	7,270	364	5.0
Perkhidmatan lain	1,312	22	1.7
<b>JUMLAH</b>	<b>58,595</b>	<b>1,769</b>	<b>3.0</b>

SUMBER: Lihat Kertas Seminar Nik Abdul Rashid, Kelantan ke arah tahun 1990, Cabaran Sosio, Ekonomi dan Politik.



Kajian ini telah dilakukan ke atas UMNO yang terpilih. Daripada 19 orang responden, 14 daripadanya sudah berkahwin, 4 orang bujang dan 1 orang duda. Kebanyakan responden yang ditemubual adalah bekerja di sektor awam, iaitu mereka yang bekerja sebagai kakitangan kemas, kerani, dan lain-lain. Jika dilihat pada jadual 3 didapati mereka yang bekerja di sektor awam, merupakan bilangan terbanyak sebagai responden. Kebanyakan isteri responden adalah surirumah sepenuh masa.

JADUAL 3  
Pekerjaan Responden

Kategori	Bilangan
Sektor Swasta	1
Sektor Awam	14
Petani dan Penoreh	2
Peniaga	2
Jumlah	19

SUMBER: Soal Selidik.

Pengkaji mendapati hasil daripada analisa data menunjukkan bahawa status kedudukan responden dari segi aspek sosio-ekonomi boleh dikelaskan kepada golongan bawahan, kelas menengah bawahan (sederhana), kelas menengah atas dan kelas yang hidup mewah. Walaupun didapati purata pendapatan responden 350 ke bawah, tetapi oleh kerana kebanyakan responden adalah bekerja dengan kerajaan, secara tak langsung membuktikan pendapatan responden adalah tetap. Jadi tidak menghadapi masalah dari segi kemiskinan.

Jika dibandingkan dengan mereka yang menjadi petani dan penoreh yang terpaksa mengalami risiko seperti hujan, kemarau, harga yang turut naik di pasaran. Hal ini sudah tentu menjejaskan pendapatan. Daripada analisa pengkaji mengelaskan responden kepada kelas bawahan 8 orang, kelas sederhana 8 orang dan kelas menengah 3 orang. Pengelasan ini bukan sahaja bergantung kepada pendapatan semata-mata tetapi dilihat juga dari segi rumah, kenderaan, peralatan rumah, disamping bilangan anak yang ditanggung. Ini dapat dilihat pada jadual 4.

JADUAL 4

## Pendapatan Responden

Purata Pendapatan	Bilangan
Kurang 350	5
350	10
500	2
10000 - 2000	2
Jumlah	19

SUMBER: Soal Selidik.



### 2.3 Sosial

Pulai Chondong telah diterokai oleh seorang ulama yang terkenal di Kelantan, yang juga penasihat Sultan Muhammad II ialah Haji Abdul Samad Haji Abdullah atau dikenali sebagai dengan nama Tok Pulai Chondong TM 1792-1875, namanya telah diabadikan dengan sebuah sekolah menengah di kawasan itu. Oleh kerana sejarah pembukaan Pulai Chondong olehnya, maka secara tak langsung waris keturunannya terus berkembang dari semasa sehingga ke hari ini dikatakan oleh seorang responden lebih kurang 78% adalah daripada keturunannya. Kemenangan Y.B. Haji Abdullah sebelum ini adalah atas dasar kekeluargaan.

Di kawasan kajian, apa yang diperhatikan oleh pengkaji didapati mempunyai segala kemudahan asas seperti elektrik, Pejabat Pos, Balai Polis, Pasar, Klinik dan sebagainya. Untuk melihat perbandingan di antara Kelantan dengan Malaysia dapat dilihat pada jadual 5.

JADUAL 5

Profeil Negeri Kelantan

	Malaysia	Kelantan
Kadar penduduk Bandar : Desa	37.4	29.8
Kadar pengangguran	10.1	8.1
Klinik Desa / 1000 penduduk	20.1	16.4
Doktor / 1000 penduduk	3.2	1.2
Bilangan Katil 1000 penduduk	1.7	1.5
Bekalan Air dalam Bandar	93.1	65.0
Bekalan Air luar Bandar	57.6	30.0
Bekalan Elektrik	71.3	62.8
Kenderaan / 1000 penduduk	248.0	165
Jalan raya / 1000 penduduk	2.6	2.0

SUMBER: Nik Abdul Rashid, Kelantan ke arah tahun 1990; Cabaran Sosio-Ekonomi dan Politik (in Konvensyen UMNO Kelantan 1986 Kota Bharu).

A. Taraf Pendidikan

Daripada 19 orang responden cuma dua orang yang berjaya menjejak kaki ke Universiti, seorang lulusan sijil perguruan, enam orang lulusan SPM, empat orang SRP dan enam orang lulusan darjah enam. Oleh kerana responden pernah bersekolah, jadi secara automatik mereka boleh dikatakan dapat membaca sahaja. Ini disebabkan tahap pendidikan yang mereka lalui sekadar cukup untuk membaca dan menulis sahaja, lihat Jadual 6.

JADUAL 6

Tahap Pendidikan Responden

Pendidikan	Bilangan
Tidak sekolah	-
Darjah Enam	6
SRP / LCE	4
SPM	6
Maktab	1
Universiti	2
JUMLAH	19

SUMBER: Soal Selidik.



### B. Umur Responden

Kajian ini telah dilakukan kepada beberapa tahap umur daripada mereka yang belum pernah mengundi kepada responden yang telah mengundi lebih daripada empat kali. Pemilihan responden ini adalah berdasarkan senarai nama yang diterima dari ketua cawangan. Ini adalah untuk mengesahkan responden yang disoal selidik itu, benar-benar ahli UMNO. Tahap umur yang terdiri daripada pelbagai peringkat ini, akan dapat kita lihat perbezaan sudut pandangan di antara responden tentang politik dan parti yang dianggotai.

JADUAL 7

Peringkat Umur Responden

Umur Responden	Bilangan
21 - 35	1
26 - 30	3
31 - 35	2
36 - 40	4
41 - 45	4
46 - 50	2
51 - 55	3
JUMLAH	19

SUMBER: Soal Selidik.

C. Bilangan Anak Responden

Analisa data menunjukkan bahawa responden mempunyai tanggungan yang besar. Ini jelas, dapat dilihat dalam jadual 8, kedudukan bilangan anak melebihi daripada 4 - 12 adalah 11 orang daripada 15 orang responden yang mempunyai anak. Pendidikan anak responden pada setakat ini boleh dianggap sederhana, namun begitu kesedaran betapa penting pelajaran kepada anak-anak, telah mula timbul di setiap hati responden. Hasil kajian mendapati bahawa setiap anak responden mendapat pendidikan sekurang-kurangnya sampai tahap tingkatan tiga.

JADUAL 8

Bilangan Anak Responden

Bilangan Anak	Bilangan Responden
1 - 3	4
4 - 6	4
7 - 9	6
10 - 12	1

SUMBER: Soal Selidik.



## 2.4 Sejarah UMNO Kelantan

Penubuhan dan perkembangan UMNO Kelantan telah melibatkan beberapa tokoh penting seperti Y.A.M. Tengku Indera Putera, Allahyarham Tan Sri Dato' Nik Ahmad Kamil, Y.B.M. Tengku Razaleih Hamzah dan beberapa orang lagi tokoh UMNO Kelantan. Pada tahun 1947, satu Mesyuarat Agung Pertama diadakan di Kelantan, yang dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Nik Ahmad Kamil. Pada tahun yang sama perlembagaan UMNO telah diterima untuk ahli-ahlinya di Kelantan dan bermulalah perkembangannya di negeri berkenaan. Sebelum mesyuarat Agung pertama itu, diadakan sebuah jawatan kuasa penaja UMNO telah ditubuhkan dalam tahun 1946, di mana Y.A.M. Tengku Indera Putera menjadi pengerusi pertama. Langkah pertama dilakukan ialah dengan menubuhkan beberapa cawangan. Pada tahun 1955-59, Kelantan ditadbir oleh kerajaan Perikatan. Sungguhpun demikian kerajaan Perikatan tidak lama bertapak di Kelantan. Di mana, bermula pada tahun 1959-78 PAS telah berjaya menguasai Kerajaan di Kelantan. Dari tahun 1978 hingga 1990, Kelantan dikuasai semula oleh UMNO (BN), tetapi dalam pilihanraya 1990 Kelantan telah dimenangi oleh PAS semula.

Krisis yang berlaku dalam UMNO apabila Dato' Onn meletak jawatan dan menubuh Parti Negara telah memberi kesan kepada UMNO Kelantan. Bagi mengembalikan keadaan krisis ini dan menyelaraskan UMNO Kelantan.<sup>7</sup> Pada ketika itu, di bawah pimpinan Y.A.M. Tengku Indera Putera. Maka, Y.B.M. Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj telah mengambil alih pucuk pimpinan. Semenjak Tunku mengambil alih pucuk pimpinan, kedudukan UMNO Kelantan telah kembali pulih dan berkembang, di mana beliau menerajui UMNO Kelantan dari tahun 1963-64.<sup>8</sup>

7 Lihat Latihan Ilmiah, Mat Rus Haji Abdul Rahman, Pergolakan Dalam UMNO Bahagian Nilam Puri Bab 2 hal.132, Universiti Malaya 1988/89.

8 Ibid.



Pergolakan UMNO Kelantan peringkat atasan sering terjadi, dan telah membawa kepada ketidakpercayaan rakyat terhadap UMNO pada masa itu. Kedudukan Ketua Perhubungan sering bertukar ganti dalam satu jangka masa yang singkat. Setelah Allahyarham Tunku Abdul Rahman melepas jawatannya dan menyerahkan kepada Tan Sri Dato' Nik Ahmad Kamil (1964-1967). Pada tahun 1967 hingga 1971 ketua Perhubungan UMNO Kelantan dipegang oleh Tun Abdul Razak, manakala pada tahun 1971 hingga 1984 jawatan itu telah diserahkan kepada Y.B.M. Tengku Razaleigh Hamzah bagi meneruskan perjuangan dan mengukuhkan UMNO Kelantan. Pada tahun 1988 penubuhan UMNO (baru) ketua perhubungan Kelantan dipegang pula oleh Menteri Besar Kelantan Dato' Muhamad Yaacob.

Sebagaimana kita ketahui UMNO telah ditubuh atau didaftarkan pada 11.5.1946 di istana negeri Johor di bawah pimpinan Allahyarham Dato' Onn. Semasa pemilihan Majlis Tertinggi parti UMNO pada 24 April 1987, telah membawa kepada perpecahan UMNO. Ekoran rasa tidak puas hati dengan keputusan itu kerana adanya cawangan-cawangan yang tidak berdaftar turut mengambil bahagian dalam pengundian itu. Isu ini telah di bawah ke Mahkamah.

Semua orang terperanjat apabila Hakim Datuk Harun Hasyim, mengistiharkan pertubuhan UMNO tidak sah atau haram disisi undang-undang pada 4 Februari 1988. Keputusan ini berpandukan kepada akta undang-undang perdaftar pertubuhan 966 seksyen 12(3) yang mengariskan betapa mustahaknya sesebuah cawangan itu mesti didaftarkan yang berbunyi:



"Jika sesebuah pertubuhan berdaftar menubuhkan sesuatu cawangan dengan tiada terlebih dahulu mendapat kebenaran pendaftar itu dan cawangan yang ditubuhkan demikian itu hendaklah disifatkan pertubuhan yang menyalahi undang-undang." 9

Hasil keputusan itu Datuk Sri Dr. Mahathir Mohammad telah menubuhkan parti UMNO (baru). Banyak cawangan parti di seluruh negara dengan sendirinya mati begitu juga, dengan DUN Pulau Chondong. Sebelum ia diharamkan, DUN ini mempunyai 45 cawangan tetapi kini setelah UMNO (baru) yang ditubuhkan hanya mempunyai 27 cawangan yang telah berdaftar. Perpecahan dalam UMNO telah menyebabkan ia terbahagi kepada dua iaitu Semangat 46 dan parti UMNO. Sewaktu kajian ini dijalankan, Parti Semangat 46 mengatakan ia mempunyai 45 cawangan, 11 telah didaftar dan selebihnya lagi dalam proses pendaftaran. PAS mempunyai cawangan di DUN Pulau Chondong ialah 23 cawangan. Pemimpin UMNO diterajui oleh Haji Abdullah Mohammed, Semangat 46, Kapten Mohd Noor dan PAS pula oleh Haji Abdul Samad Mahmud.

---

9 Ainol Jamal, Kerana Nila Setitik UMNO Diharamkan, Niza K.L. 1988, hal. 15.

## BAB III

PROSES SOSIALISASI DAN PEMUPUKAN KESEDARAN POLITIKPendahuluan

Bab ini ialah membincangkan proses sosialisasi politik yang membentuk kesedaran politik di kalangan responden. Ini adalah juga termasuk mengenai kegiatan politik yang pernah dilakukan oleh responden dalam tahun 1990 ini. Dalam hal ini juga, pengkaji turut membicarakan dan membuat analisa mengenai isu perjuangan yang diminati oleh responden seterusnya faktor yang mempengaruhi sikap politik dan perjuangan mereka.

3.1 Peranan Tokoh Dan Alat Dalam Membentuk Kesedaran Politik

Dalam membincangkan proses sosialisasi politik, maka adalah wajar dijelaskan secara ringkas gagasan tersebut dan kaitannya dengan agensi-agensi kemasyarakatan, misalnya media massa salah satu agen pendedahan yang amat penting dalam mempengaruhi pandangan politik anggota masyarakat. Sementara itu penglibatan dalam politik oleh individu adalah terhasil daripada proses sosialisasi politik. Ini menandakan kewujudan kesedaran politik di kalangan anggota masyarakat. Dapatlah dikatakan individu yang mempunyai kesedaran politik akan terlibat secara langsung dalam aktiviti yang bercorak politik.



### 3.1.1 Sosialisasi

Richard E. Dawson dan Kenneth Prewit berkata:

"Sosialisasi politik ialah proses pembangunan mental di mana setiap warganegara menjadi matang dalam politik. Warganegara mempunyai kepercayaan perasaan dan maklumat, di mana ia boleh menolongnya dalam pengertian menilai, dan menceritakan tentang politik disekelilingnya." <sup>1</sup>

Dengan itu proses sosialisasi politik akan membuka pandangan individu mengenai dunia politik yang luas terhadap kewajipan dan perikatan atau peraturan dan upacara politik. Proses sosialisasi adalah proses pembelajaran dan pemyarakatan yang dialami oleh seseorang individu sepanjang hayatnya. Dengan itu boleh dikatakan bahawa sosialisasi politik adalah saluran untuk mengembang dan membentuk nilai-nilai dan pandangan politik daripada satu generasi kepada satu generasi yang berikutnya. Melalui proses ini setiap individu akan mempelajari berbagai-bagai perkara untuk melengkapi dirinya, bagi berinteraksi dalam masyarakat. Pembelajaran ini berlaku secara formal atau tidak formal. Pembelajaran secara formal melibatkan institusi tertentu seperti persekolahan manakala pembelajaran tidak formal adalah melalui pergaulan dan pengalaman.

Ia juga memainkan peranan penting dalam membentuk sikap pandangan politik anggota masyarakat. Oleh kerana proses inilah mereka didedahkan mengenai kuasa dan kuatkuasa. Sosialisasi sedemikian akan menentukan setakat mana kesedaran atau keinginan cita-cita politik anggota masyarakat, untuk mengambil bahagian dalam apa jua bentuk yang berkembang dalam hidupnya.

---

<sup>1</sup> Richard E. Dawson dan Kenneth Prewit, Political Socialization, An Analytical Study, Boston Mass, Little Brown 1969, hal. 17.



Ini bermakna sosialisasi politik bertindak menimbulkan kesedaran dan kepekaan individu mengenai pergolakan yang berlaku dalam masyarakatnya. Kesedaran ini biasanya dilahirkan melalui penglibatan individu berkenaan dalam aktiviti politik. Bila membincangkan tentang sosialisasi politik tumpuan akan dikaitkan kepada agen-agen kemasyarakatan serta kelompok masyarakat yang boleh mempengaruhi nilai dan sikap politik seseorang atau sesebuah masyarakat antaranya.

#### A. Peranan Keluarga

Sebenarnya, ada banyak kumpulan dan institusi yang mengsosialisasi seseorang mengenai politik. Tetapi antara agan-agen ini keluargalah dijangkakan, yang paling berpengaruh. Namun begitu agan-agen lain seperti media massa, teman sebaya, AJK parti dan sebagainya tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Ini adalah kerana, keluargalah orang yang pertama ditemui dan didampingi oleh individu. Boleh dikatakan kesemua pengalamannya diperolehi daripada keluarganya.

Agen sosialisasi lain ditemui selepasnya. Tingkahlaku serta pembelajaran ini akan membentuk kesedaran politik seseorang itu. Pada keseluruhannya, institusi keluarga inilah merupakan kumpulan utama yang paling erat. Perbincangan di antara keluarga mengenai parti-parti politik yang dikatakan layak dan sesuai disokong. Misalnya ayah atau ibu terlibat dalam arena politik sebagai ketua cawangan, wakil rakyat, setiausaha politik dan sebagainya. Secara tak langsung ia juga turut membentuk nilai, sikap pandangan politik individu tersebut terhadap kuasa dan kuatkuasa. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati 5 orang responden yang ditemui mengatakan didikan ibubapa adalah paling berpengaruh kepada mereka dalam membentuk



kesedaran politik. Diikuti 5% berpengaruh dan sederhana 21.05 peratus. Jika dilihat darjah pengaruh, pengkaji mendapati responden mengatakan ibubapa adalah paling berpengaruh dalam membentuk politik. Adalah terdiri daripada mereka, yang pernah terlibat secara tak langsung semasa kanak-kanak dalam soal politik. Iaitu seperti menampal poster, ikut ibubapa mendengar ceramah, ibubapa orang yang berpengaruh di sesuatu kawasan sebagai penghulu atau ketua kampung, AJK parti politik dan lain-lain.

#### B. Media Massa

Dalam membincangkan budaya politik, kita tidak lari daripada membincangkan tentang komunikasi seperti akhbar, radio dan televisyen. Isu yang berlaku dalam masyarakat dan negara sering berubah, ia tidak statik. Dalam hal ini, peristiwa tertentu yang berlaku dari semasa ke semasa akan menentukan sikap dan nilai pandangan mengenai politik di peringkat tempatan mahupun kebangsaan, seterusnya peringkat antarabangsa. Isu-isu ini secara tak langsung akan membentuk kesedaran politik seseorang itu. Kita dapati juga bahawa dalam masyarakat demokrasi, media massa bukan saja memaparkan isu-isu semasa mengenai politik tetapi ia juga mempengaruhi pandangan politik rakyat majoriti.

Iaitu sebagai propaganda parti dan menjadi perantaraan di antara pengundi dan pemimpin. Peranan yang paling penting, alat media massa adalah berkaitan hak asasi manusia. Daripada temubual, pengkaji mendapati responden memiliki radio dan juga TV. Secara tak langsung mereka dapat mengenali pemimpin peringkat nasional melalui rancangan-rancangan yang menayangkan gambar-gambar tokoh di peringkat



atas. Ini akan lebih mendekatkan lagi di antara pemimpin dengan rakyat. Tidak dapat dinafikan dalam kehidupan hari ini, media massa menjadi alat penting dalam mengsosialisasi politik.

Ia menjadi penting kerana ia boleh menerangkan nilai-nilai kesedaran dan budaya politik kepada individu dan juga masyarakat. Dalam zaman moden ini, penggunaan alat-alat media massa telah berkembang hingga jauh ke kampung pendalaman. Dengan adanya media massa ini, ia akan mendedahkan masyarakat kepada masalah yang berhubung dengan politik, ekonomi dan sosial secara langsung. Ini dapat dilakukan melalui pembacaan akhbar, mendengar radio dan menonton televisyen. Dari penganalisan data, pengkaji mendapati 21.05 peratus responden mengatakan radio dan TV paling berpengaruh dalam membentuk kesedaran politik mereka, 26.3 peratus berpengaruh, sederhana 42.1 peratus. Akhbar pula, 26.3 peratus paling pengaruh dan sederhana 36.8 peratus. Dalam hal ini, menunjukkan mass media adalah turut memainkan peranan dalam membentuk kesedaran politik responden.

### C. Penghulu, AJK Parti, JKKK Masjid Dan Ketua Kemas

Selain daripada keluarga, banyak lagi kumpulan-kumpulan yang lain terlibat dalam proses memsosialisasi individu mengenai politik, misalnya sekolah, guru, jiran, rakan sepermainan dan subjek persekolahan. Dan juga imej kepimpinan semasa yang ada dalam sesebuah masyarakat itu. Kawan sebaya, dalam konteks hari ini adalah kawan sepermainan dalam lingkungan kehidupan kejiwaan. Kawan sebaya dalam konteks kehidupan bandar yang bersifat kosmopolitan, adalah tidak begitu berkesan berbanding dengan kawan sebaya dalam kehidupan luar bandar yang biasanya lebih rapat dan lebih banyak peluang untuk bergaul.



Oleh kerana pengkaji lebih menumpukan kepada tokoh-tokoh yang berpengaruh di dalam sesebuah masyarakat seperti penghulu, AJK parti, AJK masjid, JKKK, guru, ketua kemas dan sebagainya. Mereka ini memainkan peranan masing-masing dalam mempengaruhi ahli masyarakat mengenai politik dan juga kegiatan politik di kawasan tempatan.

Dari penganalisan data, pengkaji mendapati pengaruh yang kuat terhadap responden ialah Ketua Kemas dan diikuti oleh AJK parti. Ini kerana, mereka adalah terdiri daripada yang bekerja dengan Kemas. Jadi segala arahan yang diberi oleh ketua Kemas terpaksa dipatuhi. Lebih jelas lagi, beberapa orang responden mengatakan, mereka terpaksa mencari sekurang-kurang 30 orang sebagai ahli UMNO baru.

JADUAL 9

Peranan Tokoh dan Alat dalam membentuk  
Kesedaran Politik Responden

	V	IV	III	II	I	Jumlah
Didikan ibubapa	5	1	4	4	4	18
Radio	4	5	8	2	-	19
Akhbar	5	6	7	1	-	19
Guru Agama	1	1	11	4	1	18
Guru Sekolah	-	-	10	7	1	18
AJK Parti	2	10	6	1	-	19
Jiran	1	4	9	5	-	18
JKKK	1	6	9	-	-	16
AJK Masjid	-	5	9	4	-	18
Ketua Kemas	4	5	8	-	1	18

SUMBER: Soal Selidik

Nota: I : Tidak Penting  
 II : Kurang Penting  
 III : Sederhana  
 IV : Berpengaruh  
 V : Paling Pengaruh



### 3.2 Kekerapan Membaca Akhbar Politik

Perkembangan politik tanahair sering mendapat perhatian di dada akhbar mahupun majalah. Kebebasan akhbar yang ada di negara kita telah mewujudkan beberapa buah akhbar yang menjadi lidah penyampai kepada masyarakat, mengenai pergolakan politik tanahair. Sama ada melalui saluran akhbar parti masing-masing mahupun akhbar yang bersifat liberal. Walaupun sering kita terdengar beberapa keluhan mengenai negara kita yang dikatakan tidak demokratik kerana tidak memberi kebebasan akhbar sepenuhnya. Dalam hal ini, "tepek dada tanya selera". Sejauh mana kita inginkan kebebasan itu terpulanglah kepada individu.

Persoalannya selama ini, adakah kerajaan menyekat kebebasan akhbar seperti Harakah, Rocket, Mimbar Sosialis yang lebih banyak memberi kritikan terhadap kerajaan. Namun begitu, sikap diskriminasi yang terdapat di dalam akhbar harian, seolah-olah ia dimonopoli oleh pihak kerajaan (UMNO) sebagai alat propaganda parti UMNO. Ini jelas daripada, isu-isu yang tersiar lebih banyak memihak kepada parti pemerintah dan memburukan parti-parti pembangkang. Daripada kajian yang dijalankan ke atas beberapa orang responden iaitu ingin mengetahui kekerapan mereka membaca akhbar politik. Semasa kajian ini dilakukan, pengkaji ada menemubual seorang responden PAS, tentang akhbar politik yang dibaca tetapi dia menanya kembali mengapa pengkaji tak masukkan akhbar Utusan Malaysia, Berita Harian yang dikatakan oleh beliau sebagai salah satu akhbar politik. Dalam kajian ini didapati ahli-ahli UMNO tidak hanya membaca satu akhbar sahaja.

JADUAL 10

## Kekerapan Responden Membaca Akhbar Politik

Jenis	Kerap	Kadangkala	Jarang
Watan	2	10	4
Mingguan Politik	-	2	2
Harakah	1	5	8
The Rocket	-	-	3
Mimbar Sosialis	-	-	2
Mingguan Kota	1	2	9

SUMBER: Soal Selidik.

### 3.3 Sikap dan Penyertaan Dalam Politik Semasa

Dalam memperkatakan tentang sikap dan penyertaan dalam politik ini, kita boleh bagikan kepada penyertaan secara aktif dan secara pasif. Apakah yang mempengaruhi mereka, dalam penyertaan politik? Terdapat dua kumpulan agen dalam mempengaruhi dan menanam sikap berpolitik di kalangan masyarakat Melayu hari ini iaitu agen primary dan secondary. Ini sudah disentuh oleh pengkaji dalam bahagian mengenai agen-agen sosialisasi terhadap responden.

Manakala Krech dan Grutchfield telah mendefinisikan sikap sebagai:

"An enduring system of positive or negative evaluations, emotion, feeling, and pro- or con- action tendencies with respect to a social object." 2

2 Krech dan Grutchfield, Individual in Society, New York, Mc Graw Hill, 1962, hal. 177.



Pembentukan penyertaan di kalangan individu adalah berkaitan dengan proses sosialisasi politik. Penyertaan di kalangan individu dilihat sebagai lanjutan dari proses sosialisasi politik. Bermula dengan membentuk orientasi sendiri individu, sosialisasi politik dapat mempengaruhi kesedaran dan kepekaan individu terhadap politik. Seterusnya akan menimbulkan kesedaran politik di kalangan individu. Oleh sebab itu, pada dasarnya penyertaan politik adalah bergantung pada kesedaran politik di kalangan anggota masyarakat. Melalui proses sosialisasi politik penyebaran maklumat dapat diketahui. Ini bermakna bahawa pada dasarnya semakin banyak maklumat politik diketahui dan semakin mudah isu politik difahami.

Ini boleh meningkatkan kesedaran politik dan hasilnya boleh mendorong darjah penyertaan politik meningkat sebagai misalan, golongan terpelajar yang banyak terdedah dengan urusan dan isu politik, tentulah lebih cenderung dan berminat untuk mengambil bahagian dalam apa jua kegiatan politik. Malahan kajian-kajian menunjukkan bahawa dalam banyak negara demokrasi berkembang dan bertambah ramai kelas menengah, lebih memungkinkan nilai-nilai demokrasi berkembang. Ini bererti penyertaan politik semakin meningkat.

Oleh itu, penyertaan politik merupakan tingkahlaku atau tindakan seseorang individu dalam apa saja bentuk kegiatan politik. Peningkatan kesedaran politik sebenarnya tidak semestinya boleh dikesan sebagai sejajar dengan pola-pola penyertaan politik, dalam sesebuah masyarakat. Dengan kata lain kesedaran politik boleh mendorong penyertaan politik, tetapi hubungan seperti ini tidaklah semestinya demikian. Ini kerana, tingkahlaku atau tindakan di dalam kegiatan politik dapat digambarkan sebagai satu konsep yang dapat

mengambarkan tahap penyertaan individu dalam aktiviti politik, adakah dia menyertai secara aktif atau sebaliknya.

JADUAL 10.1

Jawatan Yang Dipegang Oleh Responden

Jawatan	Bilangan
Ahli Biasa	3
Ketua Cawangan	2
Timbalan Cawangan	1
Setiausaha	3
AJK dipilih	5
AJK dilantik Bahagian	2
Ketua Pemuda/pemudi	2
Bendahari	1

SUMBER: Soal Selidik.



### 3.3.1 Pola Kegiatan Politik

Penyertaan responden dalam aktiviti yang dianjurkan oleh parti seperti hampir pilihanraya yang ke-8, pengkaji membahagikan kepada tiga kategori iaitu kerap, kadangkala, jarang dan tidak terlibat langsung. Kegiatan yang dianjurkan oleh parti UMNO telah mendapat sambutan terutama dalam ceramah atau kempen. Ini jelas daripada Jadual 11, pengkaji mendapati setiap responden yang ditemubual pernah menyertai dalam tahun 1990. Mesyuarat cawangan yang diadakan juga turut disertai. Hal ini menampakan bahawa responden adalah terdiri daripada mereka yang aktif.

Meskipun ada juga, mereka yang tidak ikut serta dalam semua aktiviti yang dianjurkan. Di samping kegiatan ceramah, mesyuarat dan ada juga aktiviti jamuan politik, kegiatan ini dijalankan terutama untuk meraikan kedatangan tokoh peringkat kebangsaan. Jadi responden juga, turut melibatkan diri dalam aktiviti ini dari segi persiapan dan bantuan tenaga.

JADUAL 11

Pola Kegiatan Politik Responden

Kegiatan	Kerap	Kadangkala	Jarang
Ceramah Kempen	52.63	36.84	10.53
Mesyuarat	57.89	26.32	5.26
Kursus Kertas Kerja	10.53	42.10	10.53
Gotong Royong	10.53	52.63	10.53
Jamuan Politik	31.57	31.57	10.53
Perhimpunan	42.10	15.78	10.53

SUMBER: Soal Selidik.

#### A. Kegiatan Mempengaruhi Orang Lain Menyertai Parti

Dari analisa data menunjukkan bahawa responden merupakan ahli parti yang aktif. Ini terbukti dalam kegiatan yang dilakukan, terutama ahli UMNO. Sebagaimana diketahui umum UMNO yang diasaskan tahun 1946 telah diistiharkan tidak sah oleh mahkamah, apabila timbulnya cawangan yang tidak berdaftar mengambil bahagian dalam pemilihan pucuk pimpinan parti UMNO tahun 1987. Secara automatik yang menjadi ahli turut tidak sah. Bagi menarik ramai ahli-ahli baru, pelbagai cara telah dilakukan untuk menarik seramai yang mungkin menyertai UMNO. Ini adalah kerana, harta milik UMNO lama telah diletakkan di bawah Pemegang Amanah Raya. Oleh kerana kajian ini turut melibatkan pekerja kemas, mereka mengatakan terpaksa mencari ahli baru seramai 30 orang setiap seorang. Daripada temubual didapati responden (ketua keluarga) tidak begitu berminat untuk mempengaruhi isteri masing-masing menyertai UMNO tetapi mereka lebih menumpukan kepada jiran-jiran mereka.

Pengkaji mendapati biasanya ketua keluarga akan menentukan parti mana yang patut disokong. Meskipun responden tidak memperlihatkan bahawa mereka memaksa isteri masing-masing menyertai parti yang sama. Tetapi sudah menjadi adat Melayu suami lebih berkuasa dan berhak dalam menentukan teraju rumahtangga.





GAMBAR 1. Kawasan Kajian, menunjukkan jalanraya dari Pulau Chondong ke Kota Bharu, kelihatan papan tanda Semangat 46 Cawangan Pulau Chondong Timur.



GAMBAR 2. Pejabat MCA sedang dibina, di Cawangan Mata Air.

JADUAL 12

## Mempengaruhi Orang Lain Menyertai Parti

	Ada	Tidak
Isteri/Suami	11	8
Anak-anak	6	13
Jiran	15	4
Ibubapa	11	8
Pekerja	7	12

SUMBER: Soal Selidik.

B. Menyertai Kegiatan Kempen

Selain daripada aktiviti yang dibincangkan itu, pengkaji telah dapat memperlihatkan bahawa ahli-ahli UMNO (baru) ini adalah bersungguh-sungguh untuk membantu dan mempergiatkan usaha untuk menarik ahli baru. Hal ini terdorong oleh kedudukan UMNO Kelantan boleh dikatakan berada dalam keadaan tenat. Ketokohan Tengku Razaleigh sukar ditandingi sebagai ketua Semangat 46, sudah tentu memberi peluang kemenangan besar yang diperolehi oleh APU iaitu Angkatan Perpaduan Ummah. Ini terbukti kemenangan besar yang diperolehi oleh APU, telah memberi gambaran yang sebenar kedudukan UMNO Kelantan.

Tanpa usaha yang benar-benar menyakinkan rakyat, usaha UMNO untuk memiliki Kelantan tidak akan tercapai. Isu-isu kekalahan UMNO di Kelantan akan dibincangkan dalam bab analisa pilihanraya yang ke-8, telah mendorong rakyat menyokong parti PAS. Isu sensitif seperti kafir mengafir telah mula tidak kedengaran melainkan isu-isu gejala



penyelewengan di peringkat pusat menjadi senjata utama dalam pilihan-  
 raya kali ini. Kegiatan yang dilakukan oleh responden dapat dilihat  
 melalui Jadual 13. Walaupun semasa kajian ini dilakukan didapati  
 parti pembangkang lebih ke depan dari segi menampal poster. Ini  
 dapat dilihat sepanjang jalanraya sejak bulan Januari 1990 lagi.  
 Dari analisa data responden yang terlibat dalam kegiatan mendirikan  
 bangunan parti seramai 21.05 peratus, menderma barang untuk parti  
 5.26 peratus, menampal poster 36.84 peratus, menyebarkan surat-surat  
 edaran parti 63.16 peratus, menyebarkan borang ahli parti 63.16 peratus,  
 menghadiri perjumpaan parti atau ceramah 78.95 peratus dan bertemu  
 berbincang dengan ketua parti 68.43 peratus. Dari segi analisa  
 menunjukkan responden merupakan ahli parti yang aktif, tambahan lagi  
 kebanyak responden adalah mereka yang memegang jawatan dalam parti  
 di peringkat cawangan.

JADUAL 13

## Kegiatan Kempen Dilakukan Oleh Responden

Kegiatan	Bilangan
Mendirikan bangunan parti	4
Menderma Wang untuk parti	-
Menderma Barang untuk parti	1
Menampal poster	7
Menyebarkan surat edaran parti	12
Menyebarkan borang ahli parti	12
Menghadiri ceramah	15
Bertemu Berbincang dengan ketua parti	13

SUMBER: Soal Selidik.

### C. Penyertaan Dalam Ceramah

Salah satu aktiviti yang sering dijalankan oleh parti-parti politik ialah ceramah, baik bercorak politik atau bercorak kemasyarakatan. Ceramah politik diadakan bagi mempertahankan dasar parti, di samping menarik simpati masyarakat untuk memberi sokongan kepada parti. Melalui aktiviti seperti ceramah yang dijalankan oleh parti yang disokong mahupun parti pihak lawan. Ia bukan sahaja memberi pengetahuan mendalam terhadap dasar-dasar sesebuah parti politik. Malahan mereka juga memperolehi pengetahuan yang lebih terhadap perkembangan politik semasa di Malaysia. Ceramah tersebut bukan sahaja memberi maklumat mengenai dasar parti malahan ia juga menguatkan lagi semangat perjuangan sesebuah parti.

Dari analisa dan temubual pengkaji mendapati responden lebih cenderung untuk menghadiri dan mendengar ceramah parti yang disokong. Sama ada mereka menghadiri atas dasar kehendak sendiri ataupun diajak oleh AJK parti. Hasil kajian didapati mereka menghadiri ceramah terutama di kawasan sendiri tetapi ada juga sebilangan responden juga turut serta di kampung-kampung lain yang dianjurkan oleh parti. Jika dibandingkan dengan parti PAS ahlinya lebih aktif dari segi penyertaan dalam menghadiri ceramah yang dianjurkan. Ini kerana tidak kira di kawasan mana ceramah diadakan pasti dibanjiri oleh mereka.

Walau bagaimanapun terdapat juga kekecualian dalam hal ini. Ada juga responden turut menyertai dan mendengar ceramah parti lawan. Parti lawan adalah parti yang bertentangan dengan parti yang disokong. Hal ini, biasanya parti lawan mengadakan ceramah di tempat kediaman



responden. Hasil daripada kajian didapati 8 orang ahli parti UMNO tidak pernah menyertai atau menghadiri ceramah parti lawan daripada 19 orang responden. Ada responden mengatakan mereka bimbang, jika dilihat oleh orang-orang tertentu seperti Ketua Kemas, AJK parti, nanti dikatakan belot atau menyokong parti lawan. Ahli UMNO boleh dikatakan bersifat liberal kerana mereka juga turut mendengar ceramah parti lawan. Jika dibandingkan dengan ahli PAS yang lebih bersifat setia dengan parti. Oleh sebab itu ahlinya tidak pernah mengikuti parti lawan membuat ceramah. Faktor utama responden yang ceramah parti lawan adalah untuk mengetahui perjuangan parti iaitu 10 orang dan sebilangannya lagi sekadar untuk mendengar pidato tokoh parti lawan, di samping untuk mengambil hati jiran tetangga.

#### 3.4 Tempoh Keahlian Parti

Mungkin di sini timbul kemusyikilan sejak bila dikatakan seseorang itu pernah berdaftar sebagai ahli UMNO. Apa yang kita ketahui, UMNO yang ditubuhkan tahun 1946 telah diharamkan. Secara automatik keahlian parti berkenaan turut berakhir. Tetapi, oleh kerana didapati ada kesinambungan pengkaji menanggapi UMNO baru ini adalah merupakan lanjutan daripada UMNO asal. Walhal mungkin ia boleh dipersoalkan. Pengkaji mendapati responden adalah mereka yang pernah menjadi ahli parti sejak sebelum dan selepas diharamkan. Ini menunjukkan bahawa responden hanya yakin bahawa UMNO saja yang dapat membela nasib bangsa Melayu.

JADUAL 14

## Tempoh Keahlian Parti Responden

Tempoh	Bilangan
Sejak 6 bulan lalu	1
1 - 2 tahun lalu	-
2 - 4 tahun lalu	1
5 - 6 tahun lalu	2
10 tahun lalu	3
15 tahun	3
lebih 15 tahun	3
lebih 20 tahun	6
JUMLAH	19

SUMBER: Soal Selidik.

### 3.5 Asas Keahlian UMNO

Analisa yang dilakukan di atas responden didapati faktor utama mereka menyertai parti UMNO adalah kerana ideologi yang diperjuangkan oleh UMNO. Sebenarnya istilah ideologi adalah dibentuk oleh kata "ideo" yang bererti pemikiran, khayalan, konsep, keyakinan dan sebagainya dan kata "logi" bererti logika, ilmu atau pengetahuan dapat didefinisikan sebagai ilmu tentang keyakinan dan gagasan-gagasan.<sup>3</sup> Oleh sebab menurut definisi tersebut ideologi adalah penganjur suatu keyakinan atau ideologi tertentu. Dalam konteks ini, ideologi mengandungi keyakinan dan gagasan-gagasan yang ditaati oleh suatu kelompok, suatu kelas sosial, suatu bangsa atau suatu ras tertentu.<sup>4</sup>

<sup>3</sup> Drs. Jalaludin Rahmat, Ideologi Kaum Intelektual, Mizan, hal.72.

<sup>4</sup> Ibid.



Kelebihan yang nyata pada perjuangan secara berideologi ialah kebolehan menggabungkan ahli-ahli parti dalam satu ikatan politik yang kuat. Ini kerana ideologi politik adalah satu fahaman yang dianuti oleh ahli-ahli di dalam sesebuah parti politik. Jadi ia boleh digunakan bagi menyatukan serta mengembelingkan ahli-ahli tadi untuk berjuang di atas dasar-dasar yang telah ditetapkan bersama. Tanpa ideologi politik yang seragam atau serupa adalah tidak memungkinkan bagi mewujudkan parti politik.

Kembali kepada analisa data, pengkaji dapati responden memasuki UMNO, adalah kerana mereka memahami ideologi perjuangan partilah yang paling utama menyebabkan mereka menyertainya. Iaitu kira-kira 15 orang, penting 1 orang, sekadar sederhana 2 orang. Kehebatan tokoh pemimpin UMNO juga memainkan peranan mengapa responden memilih parti UMNO sebagai gagasan perjuangan untuk membela nasib rakyat.

Semasa pilihanraya, isu-isu pembangunan dijadikan suatu faktor daya tarikan untuk memancing undi di kalangan pengundi. Sebagaimana biasa dalam pilihanraya, isu kemudahan infrastruktur, kemudahan ekonomi turut dijadikan tumpuan dalam kempen terutama oleh parti pemerintah. Isu adalah satu konsep yang dikaitkan dengan pergolakan politik semasa, termasuklah dalam pilihanraya. Kadar penggunaan isu adalah tinggi semasa kempen pilihanraya dijalankan dan rendah semula selepas pilihanraya. Perkataan isu ialah suatu istilah politik 'common' kepada negara ini bila membincangkan hal politik, bahkan perkataan isu tidak lagi asing pada orang-orang kampung. Isu diambil daripada perkataan Inggeris Issue.



Kebolehan parti memainkan isu-isu sensitif, kesempatan dan kemudahan menggunakan alat-alat untuk menjalankan propaganda dan mempunyai falsafah perjuangan yang menyangkinkan rakyat. Pada dasarnya boleh menarik ramai penyokong. Bagaimanapun, ini bukanlah satu andaian yang rigid kerana sokongan yang diberikan terhadap sesuatu parti bergantung pada banyak faktor lain.

Isu-isu yang disebarakan melalui akhbar parti politik, manifesto pilihanraya dan media massa seperti TV dan radio. Parti kerajaan mempunyai kelebihan kerana telah menguasai dua elemen dari media masa yang penting ini. Salah satu cara ialah dengan mempergunakan kelemahan parti lawan sebagai isu semasa berkempen. Isu seperti ini dijadikan sebagai alat utama untuk mendedahkan keburukan parti lawan kepada pengetahuan umum dan keburukan itu akan dapat mempengaruhi kepercayaan orang ramai terhadap yang dikempenkan itu. Tanpa isu yang konkrit penyertaan masyarakat tidak begitu menggalakkan. Pengkaji telah cuba membahagikan kepada enam isu perjuangan parti yang sering terdapat di dalam negara kita. Iaitu kepentingan bangsa dan tanahair, kepentingan agama, ekonomi dan pekerjaan, kaum keturunan, ideologi keadilan dan tokoh pemimpin. Semasa kajian ini dijalankan pengkaji telah menemubual beberapa orang responden untuk mengetahui pendapat mereka tentang isu-isu yang disukai oleh mereka. Bagi ahli PAS, isu perjuangan yang diminati adalah untuk menegak sebuah negara Islam berlandas Al-Quran dan Hadis. Bagi mereka kepentingan ekonomi, bangsa tidak penting. Ada seorang responden daripada ahli parti PAS yang begitu mengejutkan pengkaji ialah pendapatnya tentang pemimpin.



Dia sanggup menyokong siapa saja seandai seekor binatang yang ingin menubuh negara Islam dia sanggup. Di sini menunjukkan ahli PAS tidak berganjak dengan ideologi perjuangan. Oleh kerana kajian ini menumpukan ahli parti UMNO, maka didapati 84.47 peratus responden menyokong parti UMNO adalah kerana isu yang sering diperjuangkan oleh UMNO kepentingan bangsa dan tanahair. Tidak ketinggalan juga ada responden meminati isu perjuangan kerana kaum dan keturunan. Walaupun ada responden tidak menyukainya kerana ia dikatakan isu seperti itu akan mengugat perpaduan antara kaum.

### Kesimpulan

Sejauh manakah semua peristiwa yang berlaku dalam negara boleh mempengaruhi rakyat dalam membuat keputusan atau pemilihan dalam kertas-kertas undi dalam pilihanraya? Semua ini berkait dengan kesedaran politik penduduk dan masyarakat di sesebuah kawasan. Kesedaran politik sebahagian daripada pengetahuan dan kepekaan anggota masyarakat terhadap kuasa dan kuatkuasa dalam masyarakat mereka. Setakat mana tinggi rendah tahap kesedaran tidak dapat diukur sebagaimana dengan ukuran yang bersifat kuantiti. Ini bermakna tidak semua para pengundi yang keluar mengundi itu sedar sepenuhnya akan pergolakan isu-isu bahkan sistem kenegaraan yang diamalkan oleh ini. Akan tetapi apa bentuk kejahilan politik, penyertaan sebagai pengundi biasa yang hanya tahu membuang undi pada hari ditentukan itu sudah cukup untuk memperlihatkan bahawa pengundi berkenaan mempunyai kesedaran tertentu terhadap kuasa dan kuatkuasa yang ada dalam masyarakatnya. Misalnya siapa yang menjadi tokoh politik terdekat atau siapa yang selalu bercakap dengan mereka mengenai politik atau tidak, pendedahan melalui media massa.

Daripada kajian yang dijalankan ke atas ahli UMNO yang terpilih, pengkaji telah membuat satu kesimpulan bahawa titik tolak kesedaran politik mereka adalah hasil daripada agan-agen sosialisasi yang terdapat di tempat kajian. Pengkaji mendapati kesedaran politik mereka bermula di atas hasil didikan ibubapa yang pernah menjadi ahli UMNO dan juga pernah memegang jawatan dalam parti peringkat tempatan. Di samping itu, radio, TV dan akhbar turut mempengaruhi iaitu dalam mendedahkan tentang isu-isu semasa yang melibatkan kuasa dan kuatkuasa. Penghulu, AJK parti Ketua Kemas, guru dan sebagainya memberitahu mereka mengenai dalam soal-soal masyarakat setempat. Iaitu melibatkan aktiviti-aktiviti seperti ceramah, gotong royong, kursus kertas kerja dan sebagainya. Tokoh dan media massa merupakan saling pengaruh mempengaruhi kerana setiap isu yang dikeluarkan di akhbar tidak semestinya benar kadang-kadang ia hanya sebagai alat propaganda. Dalam hal ini maka tokoh tertentu pula cuba membetulkannya pula.



## BAB IV

PENILAIAN TERHADAP PEMIMPIN PARTI SETEMPATPendahuluan

Bab ini akan membincangkan mengenai hubungan pemimpin dengan responden. Selepas itu juga tidak ketinggalan pengkaji akan menyentuh konsep pemimpin dan ciri-ciri pemimpin manakala pengkaji juga turut memperkatakan mengenai faktor-faktor yang menyebabkan pemimpin di kawasan ini terpilih. Dalam bab ini juga turut memperihalkan faktor kekalahan calon parti lawan dalam pilihanraya 1986 lalu. Hal-hal ini juga turut melibatkan soal pergolakan politik dan proses pembangunan sosio-ekonomi setempat.

4.1 Pemimpin

Pemimpin parti politik merupakan satu golongan kecil manusia yang menguasai perjalanan parti-parti politik. Pemimpin politik adalah golongan elit dalam sesebuah masyarakat yang mempunyai pengaruh yang luas di kalangan rakyat jelata. Mengikut kamus Dwibahasa yang diterbitkan oleh DBP, pemimpin mempunyai tiga pengertian iaitu; pertama, membimbing atau memegang untuk menunjuk arah; kedua mengepalai atau mengetuai; ketiga melatih, mendidik atau mengasuh.<sup>1</sup>

Pemimpinlah yang akan menentukan kekuatan organisasi seperti negara, pertubuhan politik atau lain-lain yang mengendalikan pergerakan masyarakat. Hidup dan matinya bergantung kepada corak kepimpinan yang dapat dikemukakan kepada orang ramai. Betapa kaya

---

1 Kamus Dwi Bahasa, Dewan Bahasa Pustaka, K.L. 1979.



sesebuah negeri, kalau mempunyai kepimpinan rendah, kemajuan tidak dapat dicapai.<sup>2</sup> Haluan pergerakan negara sendiri akan salah dan sumber-sumber kekayaan akan tersia-sia disebabkan kadangkala fikiran pemimpin-pemimpin. Sebaliknya betapa miskin sesebuah negara itu dan banyaknya masalah. Kalau kepimpinan baik banyak perkara dapat diatasi dengan penggunaan kuasa dan langkah-langkah yang wajar. Dalam negara kita kerana terlalu banyak masalah yang kompleks maka kepimpinan mestilah suatu yang istimewa.<sup>3</sup>

Kerana pemimpinlah punca yang menentukan maju atau mundur sesebuah parti itu, berjaya atau kecewa kumpulan rakyat yang diwakilinya maka pemilihan pemimpin hendaklah dianggap sebagai suatu yang "sacred" dan mesti dibuat dengan hati-hati agar tidak tersilap langkah dan membawa kerugian. Untuk mendapat barisan pemimpin yang sesuai terlebih dahulu mesti wujud satu ukuran mengenai kewibawaan seseorang pemimpin. Dengan ukuran ini pemilihan pemimpin tidak berupa suatu yang subjektif atau lahir dari pandangan yang sempit.

Dalam menentukan dan kemudiannya mematuhi kehendak-kehendak ukuran ini akan menghadapi kerumitan oleh kerana terdapat berbagai-bagai kuasa yang bergerak di dalam parti, masing-masing dengan caranya yang tersendiri bagi memilih pemimpin.

#### I. Pemimpin Peringkat Cawangan

Pengkaji telah menemubual beberapa orang responden untuk mengetahui sejauh manakah mereka mengenali pemimpin di peringkat cawangan bagi parti yang disokongi terutama di kawasan kediaman responden. Daripada 19 orang responden 15 orang (78.95%) kenal dan berkawan rapat dengan semua pemimpin, manakala 3 orang (15.26%) responden hanya kenal AJK yang tinggal di tempat kediaman mereka, begitu juga 5.26 peratus sekadar mempunyai hubungan kekeluargaan.

2 Wan Mohd Mahyiddin, Kaedah Perjuangan, Kuala Lumpur, Insular Publishing House Sdn.Bhd., 1985, hal. 13.

3 Ibid.



## JADUAL 15

## JAWATANKUASA UMNO PARLIMEN KOK LANAS TAHUN 1990

NAMA	AHLI JAWATANKUASA
Haji Mohd Rais Hussein	Pengerusi Tetap
Haji Mohd Isa Ahmad	Timbalan Tetap
Datuk Abdullah Ahmad	Ketua
Y.B. Haji Ariffin Mahmud	Timbalan
Y.B. Haji Abdullah	Bendahari
Abdullah Haji Salleh	Setiausaha
Amran Mohd Nor	Ketua Pemuda
Hajah Esah Wan Adam	Ketua Wanita
Mohd Nawī Haji Awang	Ahli Jawatankuasa
Yahya Ismail	Ahli Jawatankuasa
Shamsudin Kassim	Ahli Jawatankuasa
Haji Muhammad Awang	Ahli Jawatankuasa
Abdul Manaf Abdullah	Ahli Jawatankuasa
Isamail Haji Muhammad	Ahli Jawatankuasa
Kamarudin Haji Muhammad	Ahli Jawatankuasa
Yunus Saud	Ahli Jawatankuasa
Haji Abdul Jalal Awang Ngah	Ahli Jawatankuasa
Haji Mohd Hanafi Ismail	Ahli Jawatankuasa
Haji Yusuf Ismail	Ahli Jawatankuasa
Haji Muhammad Ismail	Ahli Jawatankuasa
Mohd Kamaruddin Said	Ahli Jawatankuasa
Cik Nik Awang	Pemeriksa Kira-kira
Cik Agil Awang	Pemeriksa Kira-kira

SUMBER: Soal Selidik.

## II. Pemimpin Peringkat Dewan Undangan Negeri

Pemimpin peringkat DUN Pulau Chondong ialah Y.B. Haji Abdullah Mohammed. Dia telah memenangi jawatan ini selama empat penggal, sejak pilihanraya 1974. Walau bagaimanapun ia telah dimenangi oleh Kapten Mohd Noor Ahmad dari parti Semangat 46 dalam pilihanraya 1990. Dari analisa, pengkaji mendapati 36.84 peratus responden ada mempunyai hubungan kekeluargaan, manakala 36.84 peratus responden juga mengenali-nya kerana beliau tinggal di kawasan yang berhampiran. Di samping itu 15.70 peratus mengenali-nya kerana beliau pernah bertugas sebagai guru di kawasan tempat tinggal responden. Tidak ketinggalan, ada juga responden mengenali-nya kerana semasa beliau datang mengempen dalam pilihanraya.

## III. Pemimpin Peringkat Parlimen

Bagi kawasan parlimen, pemimpinnya ialah Dato' Abdullah Ahmad yang telah memenangi dalam pilihanraya tahun 1986. Beliau telah mengalahkan percabarnya dari PAS dengan majoriti 3,124 orang. Dato' Abdullah, BN 14,099 dan percabarnya Dr. Abdul Rahman Haji Ahmad, PAS 10,975. Pengkaji ingin melihat perhubungan di antara pemimpin dengan rakyat yang dipimpin.

Adakah selama ini saling kenal mengenali atau sekadar musim pilihanraya, baru "nampak batang hidung". Hanya 5.26 peratus tidak mengenali Dato' Abdullah Ahmad daripada 19 orang responden, 15.79 peratus memang telah mempunyai hubungan kekeluargaan, 36.84 peratus mengenali beliau kerana berasal dari kampung berhampiran dengan responden dan 42.1 peratus semasa beliau datang berkempen. Ini adalah kerana beliau yang sentiasa berada di Kuala Lumpur, sudah tentu masa adalah terhad bersama masyarakat atau pengundi yang berada jauh ke pedalaman.



#### 4.2 Ciri Pemimpin Yang Dipilih

Di dalam memperkatakan tentang pemimpin, amat sukar untuk ditakrifkan ciri kepimpinan bagi membolehkan seseorang itu menjadi pemimpin. Menurut Plato ahli falsafah Yunani pemerintah yang baik adalah bijaksana iaitu mesti mempunyai pengetahuan lebih luas dari rakyatnya. Manakala Al Farabi, seorang pemimpin yang baik adalah memiliki sifat-sifat tertentu yang digambarkan oleh fikfiran dan jasmani, di samping akhlak baik serta mempunyai pengetahuan agama. Ini berbeza dengan Machiavelli, seorang ahli falsafah politik bangsa Itali menurut beliau seorang pemimpin yang baik adalah kuat dan tidak berperikemanusiaan. Hanya seorang yang bertindak sedemikian sahaja akan berjaya mengekalkan perpaduan negara manakala golongan nazi German pula menyatakan bahawa pemimpin itu mestilah seorang yang berbakat dan telah berjaya mengatasi segala cabaran untuk mencapai puncak pimpinan.

Ukuran yang sebaik-baiknya, seadil-adil dan paling berkesan ialah berdasarkan watak peribadi atau karektor seseorang yang hendak dipilih iaitu adakah terdapat padanya kesanggupan dan kemampuan untuk menjayakan cita-cita parti dengan menetima seluruh tenaganya? Atau adalah padanya pontesi untuk membina dan menambahkan kekuatan parti? Jelas dimakbulkan dengan sifat-sifat ini maka patutlah seseorang itu diberi sokongan yang bulat, sama ada ia telah berjuang lama, berpelajaran tinggi dan seorang kenalan baik perkara-perkara kebetulan sahaja. Orang yang ada pertalian keluarga dengan kita sendiri boleh dipilih kalau menunjuk sifat perjuang yang dikehendaki.<sup>4</sup>

---

4 Wan Mohd Mahyiddin, Kaedah Perjuangan, Kuala Lumpur, Insular Publishing House Sdn.Bhd. 1985, hal.30.



#### A. Kekayaan Dan Hidup Mewah

Penganalisaan data yang dilakukan hasil dari temubual dengan responden, pengkaji mendapati bahawa pemimpin yang dipilih peringkat cawangan, bahagian, wakil rakyat adalah atas dasar kekayaan yang dimiliki juga turut memainkan peranan walaupun ia bukan merupakan faktor utama terpilih mereka ini. Daripada 19 orang responden cuma 10.53 peratus mengatakan faktor kekayaan mereka terpilih menyebabkan mereka terpilih manakala 63.16 peratus ia bukan merupakan dasar utama mereka ini terpilih hanya sekadar perlu ada pada seorang pemimpin. Ada juga responden mengatakan faktor kekayaan juga kurang penting dalam pemilihan pemimpin.

Di atas merupakan perbincangan mengenai pemimpin mereka yang dilihat aspek kekayaan, adakah ia memainkan peranan penting. Pengkaji mendapati kekayaan wang ringgit juga merupakan salah satu faktor yang tidak kurang pentingnya. Menurut responden jika orang dah kaya mereka boleh membantu masyarakat. Terutama ketika masyarakat di dalam keadaan kesusahan seperti bencana alam yang memerlukan bantuan segera. Tetapi jika pemimpin yang miskin, pemimpin pula memerlukan bantuan orang secara tak langsung pengaruhnya kurang dalam masyarakatnya.

#### B. Keturunan Dan Kekeluargaan

Faktor keturunan juga turut mempengaruhi seseorang itu dipilih sebagai pemimpin seandai pemimpin daripada keturunan yang tidak baik sukar dia mendapat tempat di hati rakyat mahupun ahli-ahli peringkat cawangan, bahagian dan pemimpin tempatan. Dalam hal ini keturunan juga turut mempengaruhi seseorang dipilih atau seseorang dianggap layak sebagai pemimpin tetapi jika seorang itu datang dari golongan



elit yang juga merupakan anak ulama dan anak bekas pemimpin penerimaan masyarakat setempat kepadanya lebih menyeluruh seperti pemimpin peringkat kebangsaan iaitu Dato' Najid, Allahyarham Hussein Onn dan lain-lain.

Hasil temubual dengan responden terutama mengenai wakil rakyat mereka, atas dasar apa dia terpilih. Kebanyakan responden mengatakan sebab utama dia mempunyai hubungan anak beranak yang ramai di dalam DUN Pulai Chondong. Ini jelas dari penganalisan data 47.37 peratus mengatakan faktor paling penting adalah kerana pengaruh keturunan dan kekeluargaan, 31.58 peratus adalah penting dan 10.53 peratus sederhana. Abdul Hadi Awang sendiri mengakui bahawa seseorang tentu mencintai keluarganya, kemudian mencintai bangsanya tetapi Islam tidak membenarkan cinta ini membawa kepada pembelaan terhadap puak sendiri, jika puak sendiri melakukan kesalahan. Hal ini, jelas kepada kita bahawa hubungan kekeluargaan turut mendorong seseorang itu menyokong pemimpin berkenaan.

### C. Paras Kelulusan Akademik

Faktor ini juga tidak kurang penting dalam mempengaruhi orang ramai mengundi calon tersebut. Walau bagaimanapun ia bukan penentu utama untuk pengundi memilihnya. Walaupun kelulusan akademik tinggi tetapi jika tidak mampu menyelesaikan masalah rakyat, dia tidak berguna langsung. Oleh kerana itu pemimpin yang berkeupayaan menyelesaikan masalah yang dikemukakan kepadanya dan dapat memberi pertolongan kepada mereka yang memerlukan pada bila-bila masa sahaja.

Walaupun bagaimanapun pemimpin di kawasan kajian kebanyakannya adalah lulusan SPM dan Maktab. Daripada 19 orang responden, 42.10



peratus mengatakan kebanyakan pemimpin adalah lulusan sederhana dan bukan faktor yang paling berpengaruh untuk memilih pemimpin. Walau bagaimanapun 26.32 peratus mengatakan faktor ini adalah paling menyebabkan mereka terpilih.

#### D. Luas Pergaulan Dan Ramai Sahabat

Pengkaji mendapati, ciri ini juga tidak kurang pentingnya yang menyebabkan seorang pemimpin itu dipilih. Jika seseorang itu "kera Sumbang" adalah sukar untuk membantu masyarakat dan mendapat sokongan ahli-ahli parti dalam pemilihan dia sebagai calon. Luas pergaulan dapat menimba ilmu serta dapat mempengaruhi orang lain mengundinya. Pemimpin yang ramai sahabat disenangi oleh kawan dan lawan kerana mereka ini, orang disegani terutama jika mempunyai sahabat yang berpengaruh dalam sesebuah masyarakat. Analisa kajian didapati pemilihan pemimpin di sini, juga dipilih atas dasar ini.

Ini terbukti Y.B. Haji Abdullah Muhammad merupakan seorang guru, pengalaman seorang guru sudah semestinya memperkuatkan pengaulannya. Namun begitu ia bukanlah dasar utama kemenangannya itu. Daripada 19 orang responden, 7 orang responden mengatakan paling penting memberi kemenangan kepadanya. Manakala 4 orang responden penting dan 8 orang responden (42.10%) merupakan penyebab yang sederhana.

#### E. Sokongan Kuat Pemimpin Atas

Sokongan yang diberikan kepada seseorang calon oleh pemimpin atasan secara tak langsung dia turut mendapat sokongan daripada ahli-ahli parti. Oleh sebab itu, kebiasaannya seorang pemimpin itu jika hendak dipilih menjadi calon pilihanraya mesti mempunyai



hubungan yang baik dengan pemimpin atas supaya perjalanan parti berjalan dengan baik dan permintaan rakyat dapat diluluskan dengan cepat tanpa pelbagai alasan.

#### F. Budi Bahasa Dan Budi Pekerti

Faktor personaliti calon merupakan faktor penting, orang Melayu di kawasan luar bandar hanya memilih calon yang mempunyai imej yang baik, baik dalam erti tidak rasuah, mengumpul harta untuk mencari kesenangan hidup tanpa memperdulikan nasib rakyat yang dipimpin.

Dari analisa yang dibuat ke atas responden didapati mereka kebanyakan memuji budi pekerti pemimpin mereka yang dikatakan berhemah tinggi, lemah-lembut, berbudi bahasa, kerana anak bekas iman dan lain-lain ciri yang mempengaruhi orang mengundinya. Daripada itu, 63.16 peratus menyokong faktor inilah yang paling berpengaruh menyebabkan dia dipilih.

#### G. Pengalaman Kerja Pentadbiran

Selain dibincangkan di atas, faktor pengalaman kerja tidak kurang penting dalam mempengaruhi masyarakat memilihnya sebagai pemimpin. Ini jelas daripada ketua-ketua cawangan terdiri daripada guru, penghulu, ketua Kemas iaitu mereka yang mempunyai pengalaman dari segi mentadbir sesebuah organisasi. Sebagai seorang guru, beliau dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat. Dalam hal ini, seseorang itu dapat menarik perhatian masyarakat hasil interaksi di antara pemimpin dengan yang dipimpin. Tetapi daripada analisa menunjukkan pemimpin di kawasan ini bukanlah mempunyai pengalaman yang menyebabkan dia terpilih tetapi ia hanya sekadar syarat. Dalam memilih calon biasanya orang berpengaruh lebih diutamakan.

#### 4.3 Punca Calon Lawan Kalah Tahun 1986

Kemenangan Y.B. Abdullah Mohammed dalam pilihanraya 1986 yang telah mengalahkan pencabarnya dari parti PAS. Beliau mendapat 4,249 manakala pencabarnya Haji Mustapha Yahya PAS, 2,807. Dengan itu beliau mendapat majoriti 1,442 orang. Dari segi analisa didapati, calon lawan tidak dikenali merupakan salah satu sebab mengapa PAS kalah di kawasan kajian. Jika dilihat pada jadual 16, kita dapati terdapat beberapa sebab, yang telah menyebabkan UMNO menang di kawasan DUN Pulau Chondong dalam pilihanraya 1986.

Semasa temubual dijalankan ke atas ahli UMNO yang terpilih, pengkaji telah cuba mendapat maklumat, apakah punca utama UMNO menang dan PAS kalah adakah BN menggunakan wang yang banyak semasa menjalankan kempen untuk memancing undi. Jawapan yang diberi ini bukanlah faktor penyebabnya tetapi jika pengkaji bertanya kepada ahli parti pembangkang, ia merupakan penyebab utama selepas peranan anak beranak Y.B. Haji Abdullah.

Calon tidak ada isu juga bukan merupakan punca kekalahan tetapi isu yang dikemukakan tidak mendapat tempat di hati pengundi. Kebanyakan isu yang disentuh lebih merupakan isu sensitif, ini telah memberi pukulan parti lawan seperti isu kafir mengafir, haram makan makanan orang UMNO dan lain-lain. Di samping itu faktor yang dikira penting juga memberi kemenangan kepada BN ialah peranan anak beranak yang ramai. Tidak ketinggalan, janji kemudahan sosio-ekonomi turut menarik perhatian kerana beliau calon dari parti pemerintah.



JADUAL 16

## Faktor Calon Lawan Kalah

Punca	Paling Penting	Pengaruh	Sederhana	Pengaruh
Calon lawan tidak dikenali	6	1	5	7
Kempen guna banyak wang	-	1	7	11
Peranan ramai anak beranak	6	7	5	1
Kempen isu perkauman	3	1	2	13
Kempen sentimen agama	2	1	6	10
Banyak janji projek	6	4	8	1

SUMBER: Soal Selidik.

#### 4.4 Isu Kebangsaan

Daripada 19 orang responden yang ditemubual dari parti UMNO didapati semuanya sependapat bahawa isu di peringkat kebangsaan sedikit sebanyak mendapat perhatian di kawasan kajian. Isu yang paling utama ialah mengenai kepimpinan Dr. Mahathir, ia amat penting bagi negeri Kelantan. Semasa pemilihan, Presiden UMNO 24 April 1987. Pertandingan di antara Dr. Mahathir dengan Tengku Razaleigh Hamzah secara tak langsung turut memperdagangkan negeri ini. Tengku Razaleigh sebagai anak jati Kelantan secara tak langsung mendapat sokongan padu rakyat Kelantan. Jika kepimpinan UMNO Kelantan yang tidak menyokong dalam pertandingan itu telah menerima akibat akhirnya rakyat Kelantan mula menolak kepimpinan beliau, ini jelas Menteri Besar Kelantan Dato' Mohammed Yaacob.

Dari segi kepimpinan beliau yang telah membawa kepada isu-isu seperti nilai matawang Malaysia yang kian merosot berbanding dengan negara jiran. Yang amat ketara dijadikan isu oleh parti pembangkang ialah mengenai isu pembaziran ekonomi negara seperti pembinaan Jambatan Pulau Pinang, yang menelan belanja 800 juta, pembinaan Daya Bumi 200 juta, tak kurang juga isu mengenai masalah hutang negara yang dikatakan meruncing iaitu mengikut laporan \$50 billion.

Namun begitu menurut responden isu sedemikian hanya digunakan oleh parti pembangkang untuk menunjukkan penyelewengan dari kerajaan. Isu penerapan nilai-nilai Islam turut dipertikaikan kerana isu lesen perjudian tetap diadakan seolah-olah ada judi yang halal dan yang haram. Ini semua menjadi isu-isu di peringkat awal pilihanraya. Namun begitu isu seperti ini akan tenggelam bila pilihanraya yang akan ditetapkan muncul kerana isu yang baru sering berlaku, parti kerajaan mencari isu yang boleh menarik rakyat dengan isu yang boleh menlenyapkan segala isu di atas.

#### 4.5 Sistem Demokrasi

Perkataan demokrasi dari bahasa Yunaninya yang bererti "Pemerintah rakyat" semua sistem politik mendakwa dirinya sebagai demokratik. Pernah seorang ahli sains politik Norway mengenal pasti 3000 jenis demokrasi berbeza di antara satu dengan yang lain. Keinginan ahli-ahli sains politik dan sistem-sistem politik untuk menonjolkan diri masing-masing sebagai demokratik menambahkan lagi kepelbagaian erti konsep ini. Oleh sebab itu banyak definisi demokrasi telah dirumuskan.



Adakalanya terlalu ringkas seperti kerajaan oleh rakyat untuk rakyat, satu bentuk kerajaan di mana pemerintahan bertanggungjawab ke atas orang yang diperintah. Ramai sarjana ilmu politik umpamanya Joseph Schumpeter yang melihat demokrasi sebagai satu kaedah: kaedah memilih pemimpin menentukan perwakilan mendapatkan persetujuan-persetujuan politik, membuat undang-undang dan keputusan, menentukan pemerintahan majoriti dan hak-hak minoriti dan sebagainya. Demokrasi lebih merupakan satu cara, satu peraturan institusional yang lebih dinamis. Institusi-institusi demokrasi itu sendiri bukanlah alat untuk berkhidmat kepada dogma-dogma ideologi tetapi lebih merupakan alat kepada pentadbiran sebenar seharian, dan kepada tugas-tugas praktikal dalam menghadapi menguruskan kuasa, membahagi-bahagikan nilai dan menyelesaikan konflik dalam masyarakat.

Pengkaji telah menemubual beberapa orang responden mengenai sistem demokrasi yang kita amalkan, adakah sesuai atau sebaliknya? Hasil daripada penganalisaan data menunjukkan 100 peratus responden setuju dan sesuai. Responden memberi alasan, sebab ia sesuai. Mengikut pelbagai pendapat, ada mengatakan ia sesuai kerana sentiasa dinamis dan peka dengan kehendak rakyat 31.58 peratus. Manakala ada sebilangan responden mengatakan walaupun ia sesuai tetapi perlu juga parti pembangkang. Di samping itu ada responden mengatakan ia sesuai kerana sudah menjadi tradisi kita sejak dulu lagi. Tak kurang juga responden memberitahu mereka tidak pasti kerana pilihanraya belum diadakan lagi seramai 2 orang (10.53).

## JADUAL 18

## JAWATANKUASA PENYELARAS PILIHANRAYA DUN PULAI CHONDONG

Tugas	Ketua Petugas
Ketua/Pengarah	Y.B. Haji Abdullah Muhammad
Timbalan	Tuan Haji Mohd Nawi Awang
Setiausaha	Ghazali Abdul Rahman
Bendahari	Abdullah Yasok
Pegawai Pemuda	Adnan Muhammad
Pegawai Pemudi	Hanisah Ibrahim
Penerangan	Yusuf Mamat
Kenderaan	Mohd Noor Mat
Keselamatan	Muda Abdullah
Seranta	Mustapha Abdullah
Bilik Gerakan	Tuan Haji Mohd Isa Ahmad
Perisik Propaganda	Ayub Mahmood
Peralatan	Muhammad Mat Yassin
Kerani Gerakan	Tuan Haji Hassan Che Deraman
Bangsai Dan Pos	Mustaffa Abdullah
Pilihanraya Ke Polling EGE	Tuan Yahya Ismail
Pintu Gerbang	Muhammad Yusuf

SUMBER: Soal Selidik.





GAMBAR 3, Papan Tanda UMNO Cawangan Galang, DUN Pulai Chondong  
Kelihatan chondong.



GAMBAR 4, Pejabat Semangat 46.





## BAB V

ANALISA PILIHANRAYA NEGERI KELANTAN 1990Pendahuluan

Menjelang pilihanraya umum 1990, berbagai-bagai spekulasi telah timbul mengenai tarikh pilihanraya. Iaitu berbagai-bagai ramalan tarikh pilihanraya telah dibuat menerusi media massa oleh parti-parti politik di Malaysia tapi semua ramalan itu jauh melesetnya. Tarikh pilihanraya itu telah menjadi teka-teki besar, hingga ianya diumumkan secara mengejut oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mahathir Mohammed serentak dengan membubar Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri pada 5 Oktober. Berikut dengan itu Suruhanjaya Pilihanraya mengistiharkan bahawa tarikh pilihanraya ialah pada 21 Oktober di semenanjung dan 20 dan 21 Oktober di Sabah dan Sarawak, dan penamaan calon pula telah ditetapkan pada 11 Oktober 1990.

5.1 Kawasan Pilihanraya

Dalam Pilihanraya 1990 jumlah kerusi Parlimen dan DUN Kelantan adalah sama dengan pilihanraya 1986, iaitu 13 kerusi Parlimen dan 39 kerusi DUN. Jadual di bawah menunjukkan bilangan kerusi Parlimen di negeri Kelantan sejak pilihanraya 1955.

## JADUAL 19

Jumlah Kerusi Sejak Parlimen/DUN Tahun 1955-1990  
Bagi Negeri Kelantan

Tahun	Parlimen	Negeri
1955	5	16
1959	10	30
1964	10	30
1969	12	36
1974	12	36
1978	12	36
1982	12	36
1986	13	39
1990	13	39

SUMBER: Mohd Zain Saleh, Analisa Pilihanraya Negeri Kelantan 1986 dan 1990, Urusetia Penerangan, Kerajaan Kelantan, Pejabat SUK, Kota Bharu, Kelantan, 1986.



## JADUAL 20

KAWASAN PILIHANRAYA BAGI 1990 PARLIMEN DAN DUN KELANTAN  
DAN BILANGAN PENGUNDI

Parlimen	DUN	Pengundi
P17 Tumpat (50,838)	N 01 Geting	16 860
	N 02 Sg.Pinang	15.632
	N 03 Wakat Baharu	18 346
P18 Pengkalan Chepa (49,897)	N 04 Semut Api	16 191
	N 05 Kemumin	18 671
	N 06 Banggol	15 035
P19 Kota Bharu (56,244)	N 07 Padang Garong	20 708
	N 08 Bunut Payong	17 822
	N 09 Lundang	17 714
P20 Pasir Mas (41,901)	N 10 Tendong	13 507
	N 11 Pengkalan Pasir	14 958
	N 12 Meranti	13 436
P21 Rantau Panjang (41,118)	N 13 Gual Periuk	14 530
	N 14 Bukit Tuku	14 358
	N 15 Chetok	12 230
P22 Nilam Puri (40,265)	N 16 Salor	13 584
	N 17 Mulong	11 226
	N 18 Peringkat	15 455
P23 Bachok (46,416)	N 19 Tawang	15 511
	N 20 Perupok	14 488
	N 21 Jelawat	16 417
P24 Pasir Puteh (35,760)	N 22 Cherang Ruku	10 798
	N 23 Limbongan	13 946
	N 24 Gaal	11 016
P25 Kok Lanas (37,760)	N 25 Selising	12 964
	N 26 Ketereh	14 439
	N 27 Pulai Chondong	9 787
P26 Tanah Merah (39,644)	N 28 Bukit Panan	15 031
	N 29 Panglima Bayu	12 684
	N 30 Jeli	11 929
P27 Machang (31,353)	N 31 Gual Ipoh	9 092
	N 32 Labok	11 546
	N 33 Banggol Judah	10 715
P28 Kuala Krai (34,330)	N 34 Temangan	10 777
	N 35 Guchil	12 546
	N 36 Manik Urai	11 007
P29 Gua Musang(31,064)	N 37 Dabong	8 907
	N 38 Paloh	13 420
	N 39 Galas	8 737
JUMLAH P 13	39	536 020

## JADUAL 21

KEPUTUSAN-KEPUTUSAN PILIHANRAYA DUN KELANTAN  
DARI TAHUN 1955 HINGGA 1990

Bil	Tahun	Bil.KWS	Tarikh Mengundi	Parti	Menang
1.	1955	16	19.9.1955	Perikatan PAS	16 -
2.	1959	30	20.6.1959	Perikatan PAS	2 28
3.	1964	30	25.4.1964	Perikatan PAS	9 21
4.	1969	30	10.5.1969	Perikatan PAS	11 19
5.	1974	36	24.8.1974	UMNO PAS MCA	14 21 1
6.	1978	36	11.3.1978	UMNO BERJASA MCA PAS	22 11 1 2
7.	1982	36	22.4.1982	UMNO PAS	21 10
8.	1983	36	8.9.1983	UMNO BERJASA MCA PAS	23 4 1 8
9.	1986	39	3.8.1986	UMNO HAMIN MCA PAS	27 1 1 10
10.	1990	39	21.10.1990	UMNO MCA PAS S46 BERJASA	- - 24 14 1

SUMBER: Mohd Zain Saleh, Analisa Pilihanraya Negeri Kelantan, 1986 & 1990, Urusetia Penerangan, Kerajaan Negeri Kelantan Pejabat SUK, Kota Bharu, Kelantan, 1986.



## 5.2 Jumlah Pengundi

Jumlah pengundi di Malaysia yang berdaftar, yang boleh mengundi dalam pilihanraya 1990 ialah 8.2 juta orang daripada jumlah itu Kelantan mempunyai jumlah pengundi 536,020 berbanding tahun 1986 iaitu 469,280. Bagi kawasan kajian pula jumlah pengundi Parlimen Kok Lanas, 37,190 orang, Melayu 99.4%, Cina 2.44%, India 0.13% dan lain-lain 9.89%. Dari bilangan pengundi Kok Lanas itu, DUN Pulau Chondong khususnya mempunyai 9,787 orang pengundi. Melayu 93.7%, Cina 5.2%, India 0.2% dan lain-lain 0.9%.

JADUAL 22

Jumlah Pengundi di DUN Pulau Chondong  
Dari Tahun 1986 & 1990

Tahun	Jumlah Pengundi
1986	9,087
1990	9,787

SUMBER: Akhbar Utusan Malaysia.



**PALAN MENGIKUT PARTI**

KERUSI PARLIMEN (180)	BN	PAS	DAP	S48	BEBAS	LAIN
PERLIS	2	2	1	-	1	-
KEDAH	14	14	6	1	8 (1-Hadim)	1
PULAU PINANG	11	11	2	7	1	-
PERAK	23	23	4	11 (1-PP)	8	2
SELANGOR	14	14	2	5	7	-
WILAYAH PERSEKUTUAN	8	8	-	4	2	2
NEGERI SEMBILAN	7	7	-	3 (1-PP)	4	-
MELAKA	5	5	1	1	3	-
JOHOR	18	18	-	6	11	2
PAHANG	10	10	3	2	5	-
TERENGGANU	8	8	4	-	4	2
KELANTAN	13	13	6	-	7	7
SABAH	20	20	1	9	-	24
SARAWAK	27	27	-	8	-	25
<b>JUMLAH</b>	<b>180</b>	<b>180</b>	<b>30</b>	<b>57</b>	<b>61</b>	<b>63</b>

KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI 201	BN	PAS	DAP	S48	BEBAS	LAIN
PERLIS	14	14	7	-	8	3
KEDAH	28	28	16	2	10 (1-PP)	3
PULAU PINANG	33	33	3	20	7	1
PERAK	46	46	11	17	19	3
SELANGOR	42	42	5	13	23	3
NEGERI SEMBILAN	28	28	4	10 (1-PP)	16 (1-PP)	2
MELAKA	20	20	6	6	9	4
JOHOR	36	36	3	10	21 (1-PP)	1
PAHANG	33	33	12	7	14 (1-PP)	3
TERENGGANU	32	32	20	1 (1-PP)	13	4
KELANTAN	39	39	24	1	14	21
<b>JUMLAH</b>	<b>351</b>	<b>351</b>	<b>90</b>	<b>67</b>	<b>152</b>	<b>48</b>

**JUMLAH PUSAT MENGUNDI DAN KERUSI PARLIMEN DEWAN UNDANGAN NEGERI 1990**

NEGERI	JUMLAH PUSAT MENGUNDI	KERUSI PARLIMEN	KERUSI DUN
Perlis	74	2	14
Kedah	538	14	28
Kelantan	508	13	39
Terengganu	275	8	32
Pulau Pinang	254	11	33
Perak	727	23	46
Pahang	464	10	33
Selangor	497	14	42
WP Kuala Lumpur	127	7	-
Negeri Sembilan	275	7	28
Melaka	163	5	20
Johor	718	18	36
WP Labuan	11	1	-
Sarawak	1,579	27	56
Sabah	*(993)	20	48
		<b>180</b>	<b>455</b>

\* Diwartakan sebelum pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sabah - Julai 1990



### 5.3 Keputusan Pilihanraya

Tempoh berkempen untuk pilihanraya kali ini amat singkat iaitu selama 10 hari dari tempoh penamaan calon pada 11 Oktober 1990 dan hari pembuangan undi pada 21 Oktober 1990. Parti-parti yang bertanding telah berkempen dengan berbagai-bagai taktik untuk mendapat sokongan pengundi. Keputusan telah memberi kemenangan kepada BN untuk membentuk sebuah kerajaan. Bagi DUN dan Parlimen negeri Kelantan kejayaan lebih memihak kepada APU yang telah membelasah teruk BN iaitu 39-0 di DUN dan 13-0 di peringkat Parlimen.

Oleh sebab itu timbul pelbagai komen dan kesimpulan dari pelbagai pihak. Apa yang nyata keputusan itu tidak diduga baik yang menang mahupun yang kalah. Bagaimanapun perkara ini adalah tidak ganjil kerana ini adalah kali ketiga rakyat Kelantan membuat keputusan sedemikian. Namun begitu keputusan pilihanraya 1990 menimbulkan pelbagai implikasi ke atas negeri Kelantan. Perbezaan di antara parti yang memerintah di peringkat pusat dengan peringkat negeri akan timbul kesan yang negatif kepada negeri Kelantan. Walau bagaimanapun kerajaan pusat seharusnya berkerjasama dengan kerajaan negeri Kelantan. Ini adalah kerana Kelantan juga merupakan salah satu negeri yang terdapat dalam Malaysia. Ia juga seharusnya mendapat peruntukan yang termaktub dalam perlembagaan Persekutuan. Perbezaan di antara parti seharusnya diketepikan.

JADUAL 23

Keputusan Pilihanraya Peringkat DUN 1990

Negeri	BN	Pembangkang
Perlis	14	-
Kedah	26	2
P. Pinang	19	14
Perak	33	13
Selangor	35	4
N. Sembilan	24	4
Melaka	17	3
Johor	32	4
Pahang	31	2
Terengganu	22	10
Kelantan	-	39

SUMBER: Akhbar Utusan Malaysia, 23 Oktober 1990.

#### 5.4 Faktor Kekalahan UMNO

Kekalahan teruk BN di Kelantan sungguh memeranjat semua pihak. Apa tak lagi, tokoh peringkat kebangsaan yang kalah kepada pemimpin parti lawan dengan majoriti yang besar. Pelbagai alasan telah diberi oleh semua pihak, ada yang kata campur tangan pihak istana, kerjasama daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang menyokong pihak pembangkang, tak kurang juga ada penyokong UMNO yang belot. Walau pelbagai pendapat dan reaksi terhadap kemenangan APU. Ini telah memberi sinar baru kepada perjuangan PAS, yang salama ini ingin menegak sebuah negara Islam. Jika PAS gagal mentadbir Kelantan, harapannya untuk mempengaruhi negeri lain turut musnah.



Manakala di kawasan kajian juga, turut mengalami perubahan wakil rakyat. Y.B. Haji Abdullah Mohammed telah kalah kepada Kapten Mohd Noor daripada Semangat 46. Meskipun beliau telah memegang jawatan sebagai wakil rakyat selama empat penggal iaitu sejak pilihanraya 1974 lagi.

Kekalahan Y.B. Haji Abdullah Mohameed di kawasan DUN Pulau Chondong merupakan suatu perkara yang di luar dugaan. Ini kerana dia mempunyai pengaruh kekeluargaan iaitu sanak-saudara yang ramai di DUN Pulau Chondong berbanding dengan Kapten Mohd Noor. Walau bagaimanapun pokok pangkalnya perpecahan dalam UMNO adalah merupakan titik tolak ke arah kejatuhan Y.B. Haji Abdullah. Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai pemimpin telah berjaya mempengaruhi orang ramai untuk menyokong calon APU tanpa mengira calon itu dikenali atau tidak. Peranan keluarga pada tahap ini telah mula berkurang. Lebih-lebih lagi sepupu beliau Haji Abdul Samad yang merupakan ketua PAS bagi DUN Pulau Chondong, yang dikatakan akan bertanding melawannya. Tetapi disebabkan pembahagian kerusi, DUN Pulau Chondong di letak di bawah calon Semangat 46, penyokong-penyokong PAS telah menyokong parti Semangat 46. Kerjasama yang erat di antara penyokong Semangat 46 dan PAS ini telah memberi kemenangan kepada Kapten Mohd Noor.

## BAB VI

KESIMPULAN

Perkembangan politik mutakhir ini banyak mengajak kita berfikir sejenak, adakah kesedaran politik di kalangan masyarakat kita telah memperlihatkan peningkatan atau hanya keghairahan di ambang pilihanraya. Walau bagaimanapun sering kali masyarakat kita tertipu dengan isu yang bukan politik tetapi di politik oleh pemimpin demi menarik sokongan padu daripada masyarakat untuk memberi mandat kepada sesebuah parti untuk memenangi pilihanraya. Hal ini tidak dapat dinafikan, jika masyarakat tidak mengerti dan enggan mengambil tahu tentang politik semasa sekadar menyerah bulat-bulat kepada pihak pemimpin tanpa memperhatikan adakah para pemimpin menjalankan pada landasan yang betul.

Pemimpin dan yang dipimpin seharusnya mempunyai peranan masing-masing dalam meneraju negara ke arah kestabilan, keadilan dan kesejahteraan agar negara tetap merdeka dan berdaulat. Pemimpin yang menyeleweng dan kuasa yang dipegang hanya untuk mengaut kekayaan seharusnya tidak ada tempat di hati rakyat. Dia seharusnya disingkir. Zaman untuk mengejar kekayaan dengan kekuasaan telah berakhir, amanah sebagai pemimpin bukan sekadar duduk enak di kerusi empuk tanpa memikirkan nasib rakyat yang telah menaikan mereka ke tahap itu. Kini zaman berangan bukan waktunya. Pengkaji mendapati penyertaan ahli UMNO dalam kegiatan berbentuk politik telah meningkat. Ini bukan menjadi bukti yang konkrit kerana kebanyakan responden merupakan mereka yang ada jawatan dalam parti. Jadi secara tak langsung mereka terlibat di dalam segala kegiatan yang dijalankan oleh parti.



Pengkaji juga mendapati pembentukan penyertaan politik di kalangan individu adalah berkaitan dengan proses sosialisasi politik. Penyertaan di kalangan individu dilihat sebagai lanjutan dari proses sosialisasi politik.

Bermula dengan membentuk orientasi sendiri individu, sosialisasi politik dapat mempengaruhi kesedaran dan kepekaan individu terhadap politik seterusnya akan menimbulkan kesedaran politik di kalangan individu. Dalam bab yang lepas pengkaji ada memperkatakan tentang agen-agen yang mempengaruhi individu dalam membentuk persepsi mereka terhadap politik. Kebanyakan responden lebih menerima pendapat orang yang sering bersama mereka dan selalu membincangkan soal-soal politik, bagi pekerja kemas lebih banyak terpengaruh dengan ketua kemas.

Hal ini sering berlaku kepada masyarakat kita. Isu-isu politik sering kali jadi perbincangan hangat terutama di kedai-kedai kopi oleh masyarakat Melayu. Penglibatan responden dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh parti adalah untuk menunjukkan sokongan yang tidak berbelah bagi, di samping dapat mengetahui dasar-dasar perjuangan parti serta mengetahui isu-isu yang menjadi perdebatan di antara parti yang disokong dengan parti lawan. Biasanya parti UMNO cuba mempertahankan kritikan yang dijalankan oleh parti lawan dengan mematahkan hujah-hujahnya.

Dari huraian dan analisa di dapati kotmimen orang UMNO bagi ahli yang terpilih dalam kajian adalah cukup kuat terhadap parti. Ini jelas dari pengundian mereka yang tidak pernah memilih parti lain selain daripada UMNO. Walaupun berlaku perpecahan dalam UMNO mereka masih tetap bersama UMNO. Namun begitu kekuatan UMNO Kelantan secara



keseluruhan telah mula tergugat. Keputusan pilihanraya 1990 yang baru saja berlalu cukup membuktikan rakyat Kelantan telah mula menolak kepimpinan UMNO. Bagi UMNO memulihkan imej kembali ia perlu insaf bahawa rakyat Kelantan memang sensitif jika tindakan yang dilakukan oleh pemimpin yang sering membelakangkan Sultan yang menjadi lambang kemegahan umat Melayu Kelantan.

Penyertaan politik sebagaimana diperbincangkan iaitu mengenai tingkahlaku atau tindakan seseorang individu dalam apa sahaja bentuk kegiatan politik. Walau bagaimanapun peningkatan kesedaran politik tidak semestinya peningkatan penyertaan politik. Walau bagaimanapun sering kali kita kaitkan tingkahlaku pengundi dengan kesedaran politik mereka terhadap kuasa dan kuatkuasa. Walaupun ini tidak bermakna semua pengundi itu sedar sepenuhnya pergolakan isu-isu bahkan sistem kenegaraan ini tetapi apa bentuk kejahilan politik penyertaan sebagai pengundi biasa yang hanya tahu membuang undi pada hari yang ditentukan itu sudah cukup untuk memperlihatkan bahawa pengundi berkenaan mempunyai kesedaran terhadap kuasa dan kuatkuasa yang ada dalam masyarakatnya.

Penyertaan politik boleh dibahagikan kepada dua iaitu aktif dan pasif. Manakala mereka yang aktif selalunya mempunyai jawatan dalam parti iaitu dari peringkat wakil rakyat hingga kepada ahli jawatan-kuasa peringkat cawangan. Di samping itu yang pasif pula hanya menyertai sekadar pergi mengundi semata-mata tanpa melibatkan secara langsung dengan kegiatan parti-parti politik. Komitmen politik di kalangan responden boleh dibahagikan kepada yang bersifat liberal, konservatif, fanatif dan bertaraf "true believers".



Ada dua corak perjuangan parti-parti politik iaitu bersifat dogmatic iaitu sukar diubah manakala satu lagi bersifat pragmatik. Budaya politik adalah sentiasa berubah. Proses perubahan ini akan menentukan sikap dan nilai individu dalam menyesuaikan diri dengan fenomena alam sekitar mereka. Agen-agen sosialisasi turut memainkan peranan dalam membentuk kesedaran politik masyarakat.

Ibubapa mereka adalah orang yang pertama menanam kesedaran politik kepada individu, media massa juga bukan saja agen sosialisasi serta memprojek imej seseorang tokoh tetapi juga mempengaruhi pandangan rakyat majoriti. Sistem pendidikan yang meningkat di kalangan masyarakat dengan mudah rakyat semakin berupaya menghujah dan mempersoalkan tindakan dan perilaku seseorang tokoh serta sistem perundangan dan gaya kepimpinan. Ini kerana pendidikan memainkan peranan yang penting dalam menyemai sikap berpolitik dan penyertaan politik dalam masyarakat. Pendidikan yang tinggi akan menjadikan seseorang itu sedar tentang peristiwa semasa dalam soal politik, ekonomi, dan sosial. Dengan adanya pendidikan yang tinggi mereka biasanya lebih senang menceburkan diri dan bercakap tentang politik daripada mereka yang tidak mempunyai pendidikan. Mereka juga akan dapat berfikir dengan lebih rasional mengenai pengalaman politik.

Pengkaji mendapati hasil daripada penganalisan data kemenangan Haji Abdullah Mohammed dalam pilihanraya tahun 1986 adalah sokongan padu daripada keluarganya sendiri, dibandingkan dengan faktor-faktor lain. Ini jelas daripada keterangan responden mengenai pemimpin mereka. Perpecahan dalam UMNO serta persaingan sokongan daripada ketua PAS iaitu sepupu beliau secara tak langsung perpecahan sokongan

telah berlaku pada parti UMNO. Gabungan PAS dan Semangat 46 dalam APU secara tak langsung sokongan terhadap beliau telah merosot di samping bayangan pemimpin atas menyebabkan rakyat telah menolak UMNO dan memberi kemenangan besar kepada APU dalam pilihanraya 1990. Jika pengkaji membandingkan di antara beliau dengan calon yang menentang personaliti beliau sebagai pemimpin lebih menonjol. Walau bagaimanapun oleh kerana rakyat Kelantan mahukan perubahan serta pengaruh Tengku Razaleigh yang begitu kuat di Kelantan, telah memberi tamparan yang hebat kepada UMNO sehingga membawa padah pada parti lalu terus bersungkur.

-oooooooooooooooooooooooooooo-



## BIBLIOGRAFI

1. Chamil Wariya, Politik Kompromi (Satu Tinjauan Kerjasama Melayu dan Bukan Melayu di Malaysia), 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd., 1987.
2. Alias Mohammed, Kepimpinan Demokrasi Dan Tradisi, K.L. AMW Communication Management, 1984.
3. Mohd Zain Saleh, Analisa Pilihanraya Negeri Kelantan 1986, Kota Bharu, Urusetia Penerangan, Kerajaan Negeri Kelantan Pejabat SUK, 1986.
4. Aziz Zariza Ahmad, UMNO: Falsafah Dan Perjuangan, Kuala Lumpur, Penerbitan Knight, 1978.
5. Gullick, J.M., Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, (terjemahan) Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Pustaka, 1970.
6. Harold Crouch, Lee Kam Hing dan Michael, Malaysia Politics and the 1978 Election, K.L. Oxford University Press, Oxford, New York, Melbourne, 1980.
7. Wan Mahyiddin, Politik UMNO dan Isu Nasional Satu Perbahasan, Subang Jaya, 1987.
8. Koenjaraningrat, Prof., Beberapa Pokok Antropologi Sosial, Jakarta, Penerbit Dian Rakyat, 1967.
9. Ainol Jamaal, Haram Dadah Rasuah Politik, Trantra Publishing & Trading Co., 1982.
10. Kamar Amir, UMNO Parti Haram, NNA Enterprise 1988.
11. Wan Mohd Mahyiddin, Kaedah Perjuangan, Kuala Lumpur, Insular Publishing House Sdn. Bhd., 1985.
12. Kamus Dwi Bahasa, Dewan Bahasa & Pustaka, 1979.
13. Krech, David, Crutchfield and Ballachey, Individual In Society, New York, McGraw Hill, 1962.
14. Richard E. Dawson dan Kenneth Prewit, Political Socialization, An Analytical Study, Boston Mass, Little Brown, 1969.

### Kertas Persidangan

1. Konvensyen UMNO Kelantan, 1985: Tanah Merah Kelantan.
2. Nik Abdul Rashid, Kelantan ke Arah Tahun 1990, Cabaran Sosio-Ekonomi dan Politik, 1985.

### Latihan Ilmiah

1. Ahmad Kamar Rahman "PAS di Peringkat Negeri Kedah dan Peringkat Kawasan (Kubang Pasu) Agama, Politik dan Kepimpinan," Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1989.
2. Mohd Arif Heng, "Satu Analisa Isu Propaganda Dan Perjuangan, Parti Politik Dalam Pilihanraya Umum", Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1986.
3. Mat Rus Haji Abdul Rahman, Pergolakan Dalaman UMNO Bahagian Nilam Puri (dekad 80 an), Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1988/89.

### Akhbar

Utusan Malaysia, 23.10.90.

Berita Harian, 22.10.90.

Bilik Sumber  
Jabatan Antropologi & Sosiologi  
Universiti Malaya





MALAYSIA

AKTA PERTUBUHAN 1966

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN 1984

(Peraturan 7 (4))


### SIJIL KEBENARAN

Mengikut peruntukan Seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966, maka saya dengan ini beri kebenaran penubuhan cawangan yang disebutkan di bawah ini bagi pertubuhan PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (BARU) ATAU UMNO  
(United Malays National Organisation)

Nama Cawangan Rengas - Bahagian Kok Lanas

Alamat Cawangan Al-Nur, Jalan Pangkal Kalong, Kok Lanas 16450, Keteroh Kelantan

Bertarikh pada 23 haribulan Februari, 19 90


  
(MOHD. IBRAHIM B. HJ. MOHAMAD)  
Tim. Pendaftar Pertubuhan,  
Malaysia



Kepada:  
Setiausaha Agung  
Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau UMNO  
Tingkat 2, Menara Dato' Onn,  
Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur.

[Bil. PPM KEL.251/88-9709/(2)  
L-JPN, K.L.



  
DATO' MOHAMED BAHJAT  
SETIAUSAHA AGUNG  
UMNO



بيلاشن دكاواسن  
1156  
چم انج كماله



بيلاشن اهلي  
275481

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
سَيِّجِيلِ اَهْلِيْ

دغن اين اداله كامې جواتنكواس كج اكوغ قارتي اسلام سمليسيا مفاكوي بهلوا:

سودانينك رقيه بنت تراز كجيل

يغد قرائتن دنكري گنت كاد قشالن نمبر 2854139 مولاي درقد تاريخ  
دكلواركن سيجيل اين اداله دصحن منجادي اهلي قارتي اسلام سمليسيا كاواسن:



سلام تيدق ملتگر قرايب كان قارتي در قد زير هنتيكن. وليصرن الله من ينصرون الله ان الله لغفور رحيم  
بيلاشن اهلي  
يغد قرايو اكوغ

برتازج ۲۸ رجب ۱۴۰۱

۱۳۸۹ ۳ ۰ ۴